

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
(BATU GAJAH)
TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)
SOALAN : 73

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan tentang pengagihan dana MITRA bagi tahun 2021 secara terperinci. Apakah pembaharuan- pembaharuan yang telah dibuat dalam pengagihan dana ini sebagai usaha mempertingkatkan kedudukan sosio-ekonomi kaum India.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

MITRA diperuntukkan Geran RM100 juta bagi Tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM50,853,130.80** dibelanjakan untuk **pelunasan komitmen** tahun **2019** dan **2020**.

Baki sejumlah **RM49,146,869.13** adalah peruntukan sebenar untuk agihan program tahun **2021**.

Bil	Jumlah Peruntukan Mengikut Teras	Status Perbelanjaan Peruntukan MITRA Tahun 2021 (selepas pelunasan komitmen 2019 dan 2020)			
		Jumlah Peruntukan (RM)	Pelunasan Komitmen (MITRA di bawah JPM) 2019 & 2020 (RM)	Baki Peruntukan Untuk Program 2021 (RM)	Jumlah Perbelanjaan Program 2021 (sehingga Ogos) (RM)
1	Modal Insan	35,227,936.00	20,197,566.05	15,030,369.95	666,484.60
2	Keusahawanan	23,500,000.00	9,804,658.20	13,695,341.80	1,165,260.00
3	Kesejahteraan Sosial	41,272,064.00	20,850,906.62	20,421,157.38	17,665,007.20
JUMLAH		100,000,000.00	50,853,130.87	49,146,869.13	19,496,751.80

Bil	Jumlah Peruntukan Mengikut Teras	Baki Peruntukan MITRA Untuk Program Tahun 2021		
		Baki Peruntukan Untuk Program 2021 (RM)	Jumlah Perbelanjaan Program 2021 (sehingga Ogos) (RM)	Baki Peruntukan 2021 (RM)
1	Modal Insan	15,030,369.95	666,484.60	14,363,885.35
2	Keusahawanan	13,695,341.80	1,165,260.00	12,530,081.80
3	Kesejahteraan Sosial	20,421,157.38	17,665,007.20	2,756,150.18
JUMLAH		49,146,869.13	19,496,751.80	29,650,117.33

PEMBAHARUAN YANG TELAH DIBUAT DALAM PENGAGIHAN DANA

1. KOTAK MITRA 2021

- a. **Peruntukan sebanyak RM12,412,344.00** untuk pembekalan kotak makanan yang **akan memanfaatkan 90,000** keluarga Masyarakat India B40 yang miskin dan miskin tegar;
- b. Sejumlah 34,298 kotak makanan telah diedarkan kepada keluarga Masyarakat India B40 di ladang, kawasan pinggir bandar dan bandar;

2. MOBILISASI VAKSIN KOMUNITI (MOVAK)

- a. Tumpuan di (30) lokasi merangkumi kawasan bandar, luar bandar dan ladang di (9) negeri yang mempunyai kadar kepadatan penduduk Masyarakat India yang tinggi iaitu Perak, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan, Johor, Pahang, Perlis dan Terengganu;
- b. Merupakan kerjasama strategik dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta National Union of Plantation Workers (NUPW) untuk membantu pihak kerajaan meningkatkan kadar vaksinasi dikalangan Masyarakat India ; dan

- c. Telah dilaksanakan di **2 kawasan** pinggir bandar dan **1 ladang** di **Negeri Sembilan** serta **1 kawasan** pinggir bandar di **Kedah** dengan jumlah **1,862** dos suntikan vaksin.

**3. PENGEBUMIAN JENAZAH MASYARAKAT INDIA B40 COVID 19
DI HOSPITAL KUALA LUMPUR (PUSARA)**

- a. **Peruntukan sebanyak RM500,000.00** untuk membayar kos perkhidmatan pengebumian jenazah Masyarakat India B40 COVID 19 yang tidak dituntut;
- b. Kos Maksima Pengebumian yang ditanggung adalah sebanyak RM3,000.00 bagi setiap jenazah yang dikendalikan secara bergilir oleh (18) buah syarikat pengebumian yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian;
- c. Kos RM3,000.00 merangkumi kos keranda, van mayat, pakaian PPE, kos pembakaran mayat, bekas abu, kos dokumentasi dan kos pengurusan; dan
- d. Proses pengebumian dilaksanakan oleh syarikat pengebumian dengan persetujuan waris mendiang.

4. PROJEK LEMBU TENUSU MITRA

- a. **Peruntukan sebanyak RM5,199,600.00** yang melibatkan pemberian 4 (2+2) ekor lembu tenusu kacukan Fresian bunting dari Australia;
- b. Program ini dijayakan bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI);
- c. Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah memberikan bantuan teknikal dari aspek penetapan kriteria dan syarat penternak serta kesesuaian baka lembu tenusu;
- d. Seramai 200 orang penternak kecil Masyarakat India B40 telah dikenalpasti untuk pelaksanaan *pilot project* daripada bilangan asal 600 penternak yang disasarkan; dan
- e. Pengagihan sedang dibuat di (6) negeri seperti berikut:

Bil	Negeri	Bil. Penternak
1	Johor	60
2	Perak	40
3	Selangor	30
4	Kedah	30
5	Negeri Sembilan	20
6	Melaka	20
Jumlah		200

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN (RASAH)

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN : 53

YB TUAN CHA KEE CHIN minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah yang bakal dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian ini selaras dengan konsep “Keluarga Malaysia”.

JAWAPAN:

1. **Semua Kementerian mempunyai peranan** dalam menggerakkan agenda dan program perpaduan **mengikut skop fungsi tugas masing-masing**. Manakala Kementerian Perpaduan Negara memainkan peranan sebagai peneraju kepada agenda perpaduan berpandukan **Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030** yang telah dilancarkan pada 15 Februari 2021.
2. Menyentuh tentang **konsep Keluarga Malaysia**, dalam konteks

perpaduan, Kementerian ini sedang memuktamadkan **KAMI @ Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia** yang menekankan kepada isu dan permasalahan yang dirungkai berdasarkan hasil kajian dan **dibahagikan kepada empat (4) dimensi iaitu:**

- a. **Karib;**
- b. **Aksesibiliti;**
- c. **Majmuk; dan**
- d. **Inklusiviti.**

3. Dasar dan Pelan-pelan tindakan yang dibangunkan ini **merupakan suatu garis panduan yang tersusun bagi pelaksanaan program-program perpaduan** dalam usaha bersepadu melibatkan semua peringkat masyarakat untuk mencapai matlamat perpaduan sebagai sebuah keluarga Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG
(TANJONG MALIM)**

TARIKH: : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN : 62

Tuan Chang Lih Kang minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap orang yang menghina pemain badminton wanita negara, S. Kisona, dengan komen berbaur perkauman.

JAWAPAN

- 1. Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 yang dilancarkan pada 15 Februari 2021.**
- 2. Dasar Perpaduan Negara yang berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara turut memberi penekanan kepada pembinaan nilai-nilai perpaduan dan**

pemantapan ekosistem perpaduan yang juga turut merangkumi tatacara penggunaan media digital.

3. Manakala Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 telah menggariskan strategi bagi memantapkan keberkesanan komunikasi melalui penekanan kepada dua (2) aspek:

- i. **Peranan pelbagai platform media sebagai alat kesedaran sosial dalam menyebarkan perkara positif** untuk mengukuhkan perpaduan; dan
- ii. **Penggunaan platform media secara beretika.**

4. **Tindakan pemantauan dan kawalan penggunaan media digital** bagi memastikan keharmonian dan mengelakkan penyalahgunaan platform media yang boleh mencetuskan isu perkauman dilaksanakan melalui Akta-akta yang berkuatkuasa seperti berikut:

- i. Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.
- ii. Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;

- iii. Seksyen 504 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
 - iv. Seksyen 505 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam; dan
 - v. Seksyen 506 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah.
4. Berhubung isu yang dibangkitkan, satu kertas siasatan telah dibuka ke atas komen berbau perkauman yang melibatkan seorang pemain badminton negara dan kes disiasat di bawah Seksyen 504 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Suspek telah dikenalpasti dan pihak PDRM sedang melengkapkan kertas siasatan sebelum dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ
SYED ABDUL FASAL (BUKIT GANTANG)
TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)
SOALAN : 1

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan komitmen Kementerian terhadap pembangunan generasi anak muda India di Parlimen Bukit Gantang di bawah seliaan MITRA demi memastikan mereka tidak kebelakang dalam pembangunan ekonomi sendiri dan pendidikan selari dengan misi Keluarga Malaysia.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. MITRA merupakan sebuah unit dibawah Kementerian Perpaduan Negara yang meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India di Malaysia serta menyerlahkan potensi mereka yang secara langsung akan membantu kemajuan Malaysia secara lebih mampan dan menyeluruh tanpa meninggalkan kelompok tertentu

dalam pencapaian tersebut.

2. Maka, komitmen kementerian terhadap pembangunan generasi anak muda India akan merangkumi seluruh Malaysia tidak kira dimana sahaja mereka berada.
3. Bagi melaksanakan hasrat tersebut, Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI) telah dibangunkan bagi memastikan matlamat dan hasrat memperkasakan masyarakat India dari pelbagai aspek dapat dicapai tidak terkecuali juga pembangunan anak-anak muda India khususnya golongan B40.
4. Pelan ini mengandungi lima (5) Tunjang Utama yang merupakan acuan paling penting dalam memacu masyarakat India di Malaysia dalam usaha memenuhi keperluan dan meningkatkan kedudukan sosioekonomi mereka dalam jangka masa yang akan datang.
5. Secara dasarnya, Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI) 2021 ini menggariskan lima (5) Tunjang Utama dalam meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India di Malaysia serta menyerlahkan potensi mereka dalam membantu kemajuan Malaysia secara lebih mampan dan menyeluruh tanpa meninggalkan kelompok tertentu.

6. Lima (5) Tunjang Utama yang dimaksudkan iaitu:

- i. Pertama : Memperkasakan keperluan asas;**
- ii. Kedua : Meningkatkan kemenjadian setiap kanak kanak;**
- iii. Ketiga : Menaiktaraf ekonomi dan keusahawanan;**
- iv. Keempat : Memperkasakan keterangkuman sosial; dan**
- v. Kelima : Memperkasakan wanita ke arah kesaksamaan gender.**

Kelima-lima Tunjang Utama ini mempunyai 23 Strategi merangkumi semua aspek utama dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat India di Malaysia.

7. Dalam merealisasikan pembangunan anak India, Tunjang Kedua dan Tunjang Ketiga akan dilaksanakan secara berperingkat demi memastikan kemampuan pembangunan generasi anak India dalam aspek asas pembentukan sahsiah diri seperti kepimpinan, sukan, insaniah, kebudayaan dan kemahiran tenaga kerja mengikut keperluan pasaran semasa tercapai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
(SUNGAI SIPUT)**

SOALAN : 147

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah bakul makanan yang telah diagihkan oleh MITRA bagi Parlimen Sungai Siput dan siapa yang dipertanggungjawabkan bagi agihan tersebut.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Program Kotak MITRA 2021 merupakan pemberian berbentuk **'kotak bantuan makanan'** yang mengandungi barangan runcit bagi memenuhi keperluan asas keluarga India B40 yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dan bencana alam jua.
2. Bagi tahun 2021, sejumlah 200 Kotak MITRA telah diperuntukkan melalui YB Kesavan A/L Subramaniam, **Ahli Parlimen Sungai Siput.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
(SUNGAI SIPUT)**

SOALAN : 148

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan nama dan jumlah peruntukan yang diterima oleh NGO-NGO berdaftar di Parlimen Sungai Siput bagi tahun 2020 dan 2021 menerusi MITRA.

JAWAPAN

1. Terdapat **3 NGO** berdaftar dari kawasan **Parlimen Sungai Siput** yang telah menerima **Geran Kewangan MITRA** dengan nilai keseluruhan **RM263,978.03** bagi Tahun **2020** seperti Jadual di bawah:

Bil	Organisasi	Jumlah Nilai Peruntukan
1	Pertubuhan Impact Malaysia	RM67,065.83
2	Malaysian Intellect Development Foundation	RM4,447.20
3	Yayasan Pembangunan Belia India Malaysia	RM192,465.00
Jumlah		RM263,978.03

2. **Tiada penyaluran** Geran Kewangan MITRA dibuat pada Tahun 2021 **kepada** mana-mana **NGO** berdaftar di **Parlimen Sungai Siput**; dan

3. Penyaluran Geran Kewangan MITRA pada Tahun **2021 bertumpu** kepada **Program berimpak tinggi** kepada Masyarakat India **B40** secara menyeluruh.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN (IPOH BARAT)

SOALAN : 178

TUAN M. KULASEGARAN minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan:

- a) data NGO atau program yang menerima dana MITRA bagi tahun 2020 dan 2021; dan
- b) apakah impak dana yang telah dibelanjakan oleh MITRA/SEDIC sejak tahun 2016.

JAWAPAN

- a) Sebanyak **119** buah **Program** telah diluluskan untuk penerimaan **Geran** Kewangan MITRA pada Tahun **2020** seperti Jadual di bawah:

MITRA di JPM (Januari hingga Mac 2020)

**Program dibawah Teras Modal Insan
(18 buah program)**

BIL	PROGRAM
1	Certified Network Engineer For Ipv6 (Silver)
2	Program Bimbingan Bagi Kanak-Kanak Dibawah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India Malaysia
3	Certificate In Data Privacy & Ethics
4	Partner Capacity Development
5	Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Mitra/Malaysia Hindu Sangam-Yayasan Atmah
6	Panel Beating And Spraying Painting
7	Program Transformasi Holistik Dan Latihan Kemahiran Bagi Belia Berisiko Tinggi
8	Majalah Bulanan Dewan MITRA
9	Kelas Bimbingan Kanak Kanak Pgt / MITRA
10	Kelas Bimbingan Kanak- Kanak MITRA -Pppkkc
11	National Level Science Fair For Young Children
12	Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Program Mitra Pertubuhan Tadika-Tadika Swasta DLS
13	Program Titian Digital
14	Modern Farming (Agriculture)
15	Certificate In Food & Beverage Service Operation
16	Civil Society Intervention
17	Maanavar Muzhakkam-Pertandingan Pidato Tamil Peringkat Kebangsaan Untuk Pelajar-Pelajar SJKT
18	Operasi Servis Makanan & Minuman

**Program dibawah Teras Keusahawanan dan Kerjaya
(12 buah program)**

BIL	PROGRAM
1	Creative Computing
2	Program “Train And Place: Cloud Administrator Engineer & Certified Wintel Engineeer”
3	Entrepreneurship Development Program : Accelerating Pitching Startups
4	Program Fasilitasi Pinjaman Perniagaan Mikro
5	Program “Train And Place: Certificate In Certified Network Technician And Certified Associate Programmer”
6	Program “Train And Place: Cybersecurity Professional Certificate For Graduates”
7	Penerbitan Buku Panduan Mengenai Gran Dan Bantuan Kewangan Yang Disediakan Oleh Kerajaan Dan Agensi Dibawahnya Bagi Pembangunan Usahawan Kecil Dan Sederhana
8	Entrepreneurship Development Program : Mobile Petty Traders Program
9	1. Profesional Certificate In Microsoft Certified Azure Devops Engineer 2. Certified Microsoft Azure Data Scientist Associate Microsoft 3. Certified Azure Ai Engineer Associate 4. Burlington English Certificate
10	Kursus “Plc Programming And Troubleshooting
11	Program “Train And Place: Cruise Crew”
12	Electrical Substation Testing , Service & Maintenance

**Program dibawah Teras Kesejahteraan Sosial
(32 buah program)**

BIL	PROGRAM
1	Temple As Seva Centre Kuil Sri Sithi Vinayagar
2	Projek Insan 2.0 (Igniting Self Awareness And Nourishment)
3	Skrin Green Studio Dan Keusahawanan
4	Temple As Seva Centre Hindu Devasthanam, Bidor, Perak
5	Persama Together 4 Autism
6	City Survival Women Street Crime Training Program
7	Program "Train The Trainer-Women Empowerment To Support The Young Girls"
8	Temple As Seva Centre Kuil Sree Bala Thandayuthapani
9	Kursus Kejurulatihan Kabbadi Tahap 1
10	Ilainyar Manithaneyam Menpaadu Vizha
11	Program "Nationwide Malayalam Class"
12	The Problems Faced By Malaysian-Indians, Causes, And Solutions.
13	Temple As Seva Centre Kuil Dewa Sri Maha Mariamman
14	First Step Into Spiritual Journey
15	Program "Strengthening Indian Identity For Youth Through Song Making Workshop"
16	Program Intervensi Dan Pencegahan Masalah Seksual Di Kalangan Remaja India Tahun 2020
17	Program "Dharma Religious Education"
18	Sanchara Ashrama Seva
19	Program "Young Girls Empowerment Boot Camp"
20	Program Bantuan Rumah Kebajikan Kanak-Kanak
21	Temple As Seva Centre Sri Maha Mariamman

BIL	PROGRAM
22	“ Hand Hold Programme For The High-Risk Secondary School Students (B40 Indians) For A Remarkable Self – Transformation Towards Human Excellence ”
23	Transforming Lives Of Underprivileged And Orphan Indian Children
24	“Hindu Education And Leadership Programme” (Help)
25	Temple As Seva Centre Sri Muniandy
26	Temple As Seva Centre Sri Muniswarar Alayam
27	Temple As Seva Centre Kuil Subramaniyar Alayam
28	Temple As Seva Centre Sri Muniswarar
29	Temple As Seva Centre Subramania Swamy Temple
30	Temple As Seva Centre Sri Maha Mariamman Hutan Melintang
31	Program “Empowering Families”
32	Program Ibubapa Memastikan Peningkatan Akademik Anak (Impak)

Jumlah keseluruhan program MITRA JPM pada tahun 2020 ialah sebanyak 62 program.

MITRA di KPN (April hingga Disember 2020)

Program dibawah Teras Modal Insan (14 buah program)

BIL	PROGRAM
1	Kursus Menyelenggara & Memperbaiki Kereta
2	Profesional Certificate In Tour & Travel
3	Program Sijil Praktikal Bagi Sumber Manusia Dan Hubungan Industri
4	Program Sijil Eksekutif Pembantu Penjagaan Kesihatan
5	Tamil Schools Post Covid-19 Assistance (Tas-Covid Assist)
6	Executive Certificate In E-Commerce
7	Tamil Schools Learning Activities (Tasla) Malaysia
8	Profesional Cert In Mobile Phone And CCTV Tech
9	Program Bijak Wang Sjkt Terpilih Di Negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan & WPKL
10	Program Pemerkasaan Akademik Satria Malaysia 2020
11	Program Intervensi Masalah Pembelajaran Di Kalangan Murid-Murid SJKT
12	Program Bantuan Pendidikan IPTA Peringkat Kebangsaan
13	Program Turiya
14	Program 1force Against Crime

**Program dibawah Teras Keusahawanan dan Kerjaya
(21 buah program)**

BIL	PROGRAM
1	Welding 4.0 3g Smaw
2	Malaysian Aquaculture Entrepreneurship Programme (MACEP-2020)
3	Road To Gmp Certification Program - Usahawan MITRA
4	Photography Masterclass: A Complete Guide To Photography Basics & Beyond
5	Robostem Mitra: Pengenalan Kepada Pengaturcaraan Robot Kepada Remaja
6	Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India B40 Di Malaysia Melalui Bidang Pertanian
7	Program Pemantapan Kerjaya Artisan Batik
8	Kursus Keselamatan Elektronik
9	Program Certified Artificial Intelligence Practitioner
10	Kursus Pemasaran Digital
11	Program Latihan CSWIP Visual Welding Inspection
12	Certificate In Logistics And Shipping Management
13	Program Social Entrepreneurship Bootcamp
14	E-Dagang – Permulaan Industri Baru Di Malaysia
15	Program Pemeriksaan Wanita India
16	Program Entrprenurship In Safety And Mobile Sanitizing Operations
17	Program Pemantapan Kebolehpekerjaan Masyarakat India - Professional Boiler Operation & Maintenance (Foundation)
18	Amazon Web Services (AWS) Cloud Computing Talent Capacity Building Plan For Unemployed It Graduates
19	Program Professional Certificate In Business Analytics

BIL	PROGRAM
20	Program Pembangunan Agropreneur “Connecting Agri Needs (CAN)”
21	Program Gubahan Bunga Perkahwinan Secara Professional Dan Wedding Deco (Advance)

**Program dibawah Teras Kesejahteraan Sosial
(22 buah program)**

BIL	PROGRAM
1	Menjalankan Kerja Baik Pulih Rumah Ibadat
2	Bantuan Kewangan Untuk Menjalankan –Kerja Baik Pulih Rumah Ibadat
3	Program Bantuan Kewangan Khas MITRA Kepada Rumah Ibadat Hindu (MHS)
4	Membaikpulih Kuil Sri Maha Mathurai Veeran Sri Maha Kaaliyamman, Sagil, Tangkak, Johor
5	Bantuan Kewangan Untuk Menjalankan –Kerja Baik Pulih Rumah Ibadat
6	Membaikpulih Kuil Sri Maha Mariamman, Felda Bukit Rokan, Gemencheh, Negeri Sembilan
7	Bantuan Kewangan Untuk Menjalankan –Kerja Baik Pulih Rumah Ibadat
8	Bantuan Kewangan Untuk Menjalankan –Kerja Baik Pulih Rumah Ibadat
9	Menaik Taraf Dan Membaikpulih Premis Sjk (T) Ladang Pasak
10	Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Premis 5 Pusat Jagaan Kanak-Kanak
11	Membaikpulih Kuil Arulmigu Sri Subramaniam Langkap, Perak

BIL	PROGRAM
12	Projek Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Rumah Ibadat Di Pulapol, KL
13	Program Sehaj – Ke Arah Komuniti Maju Dan Sihat
14	Program Bantuan Makanan MITRA
15	Kepimpinan Mampan Mengukuh Integrasi Nasional
16	Program Rawatan Strok
17	Program Bantuan Makanan MITRA
18	Pembangunan Keusahawanan Bidang Ternakan Ruminan 2020
19	D'beat 2020 - Diabetes Beat Affordable Management Of Type 2 Diabetes Complications
20	Program Memperkasakan Keluarga
21	Tamil Schools Kindergarten Assistance (Tas-Kinder Assist)
22	Program Peningkatan Kapasiti Dan Pendapatan Pengusaha-Pengusaha Lembu Tenusu Kaum India

Jumlah keseluruhan program MITRA KPN pada tahun 2020 ialah sebanyak 57 program.

Bagi tahun **2021**, sehingga **30 Ogos 2021**, sebanyak **13** program telah diluluskan Geran Kewangan MITRA seperti jadual dibawah:

**Program dibawah Teras Modal Insan
(4 buah program)**

Bil	Program
1	Program Kelas Robotik Golongan B40 & M40
2	Robotik Merencanakan Murid B40

Bil	Program
3	Rangka Malaysian Indian Blueprint
4	Kelas Percuma Spm Ulangan Dan Calon Persendirian Atas Talian Bagi Masyarakat India B40 Seluruh Malaysia

**Program dibawah Teras Keusahawanan dan Kerjaya
(4 buah program)**

Bil	Program
1	Program Gubahan Bunga Perkahwinan Secara Professional Dan Wedding Deco (Advance)
2	Queenpreneuers Bakers
3	Felo Sosial Digital 2021
4	Certificate In Hospital Cleaning

**Program dibawah Teras Kesejahteraan Sosial
(5 buah program)**

Bil	Program
1	Program Pembangunan Kerjaya Teknik Sulaman Aari
2	Memperkasakan Wanita Melalui "Smart Money Management"
3	Program Bantuan Mitra 2021/ Kotak Mitra 2021
4	Program Membantu Menguruskan Jenazah Selain Islam Di Hospital Kuala Lumpur (HKL)
5	Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK)

- a) Jumlah perbelanjaan **SEDIC** dari tahun 2016 sehingga 2018 adalah seperti jadual dibawah:

TAHUN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN
2016	100,000,000.00	35,044,317.48
2017	100,000,000.00	57,027,851.00
2018	100,000,000.00	1,165,130.00
JUMLAH	300,000,000.00	93,237,298.48

Perbelanjaan dana SEDIC tahun 2018 adalah sangat rendah disebabkan peralihan kuasa Kerajaan yang berlaku pada tahun tersebut dan penstrukturan semula SEDIC kepada MITRA.

- a) **MITRA** sejak tahun **2019** hingga **2021** telah melaksanakan pelbagai program berimpak tinggi seperti **pendidikan, ekonomi**, menaiktaraf **infrastruktur Rumah Ibadat** serta berkaitan **kesejahteraan sosial** dalam meningkatkan status sosio-ekonomi Masyarakat India B40 seperti jadual dibawah:

TAHUN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN
2019	100,000,000.00	58,090,797.09
2020	100,000,000.00	62,653,870.48
2021	100,000,000.00	70,349,882.67
JUMLAH	600,000,000.00	284,331,848.72

MITRA di JPM

- (i) Januari 2020 hingga Mac 2020, MITRA JPM telah diperuntukan dengan nilai sebanyak RM34,886,579.00
- (ii) Sebanyak RM19,002,635.00 telah dibelanjakan untuk 105 program dari Januari 2020 hingga Mac 2020 semasa MITRA dibawah JPM

MITRA di KPN

April 2020 hingga Disember 2020, peruntukan MITRA di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) - RM65,113,421.00

Bil	Jumlah Peruntukan Mengikut Kluster	April 2020 hingga Disember 2020			
		Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Bil NGO	Bil Penerima manfaat
1	Modal Insan	20,241,598.00	28,472,835.26	79	175,890
2	Keusahawanan	14,090,629.00	13,523,830.60	57	36,945
3	Kesejahteraan Sosial	30,781,194.00	20,657,204.62	108	751,618
	JUMLAH	65,113,421.00	62,653,870.48	244	964,453

Januari 2021 hingga Ogos 2021, peruntukan MITRA di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) selepas menolak komitmen program Tahun 2019 dan 2020 – RM49,146,869.13

Bil	Jumlah Peruntukan Mengikut Kluster	Januari 2021 hingga Ogos 2021			
		Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Bil NGO	Bil Penerima manfaat
1	Modal Insan	15,030,369.95	666,484.60	4	170
2	Keusahawanan	13,695,341.80	1,165,260.00	4	380
3	Kesejahteraan Sosial	20,421,157.38	17,665,007.20	5	60,921
	JUMLAH	49,146,869.13	19,496,751.8	13	61,471

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
(SIMPANG RENGAM)**

SOALAN : 198

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah **rancangan** kerajaan berhubung isu **perpaduan** di **insitisi pendidikan** memandangkan indeks hubungan kaum menunjukkan kemerosotan hubungan antara kaum di Malaysia semenjak hampir sedekad yang lalu.

JAWAPAN:

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sentiasa berusaha memastikan perpaduan dan keharmonian negara berada di tahap yang terbaik. Bagi meningkatkan tahap perpaduan di institusi pendidikan, usaha-usaha berterusan melalui **pendidikan perpaduan** berlandaskan **Perlembagaan** Persekutuan dan **Rukun** Negara telah dirancang dan dilaksanakan secara bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (**KPM**) dan Kementerian Pengajian Tinggi (**KPT**) melalui:

- a. Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan sekolah menengah; dan
 - b. Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institusi pengajian tinggi awam dan swasta.
2. Sehingga 30 Ogos 2021, terdapat **6,843 KRN** dan **184 SRN** di seluruh negara. Pecahan bilangan KRN dan SRN mengikut negeri adalah seperti jadual di **Lampiran**.
3. KRN dan SRN adalah merupakan **tapak integrasi perpaduan** dalam kalangan **pelajar** bermula di peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat IPT yang menjadi **medium dinamik** dalam usaha **penyatupaduan** sebagai proses **pembinaan dan pengukuhan jati diri** dan **nilai murni** dalam diri pelajar.
4. Kementerian Perpaduan Negara sedang memantapkan modul pengurusan dan program KRN serta SRN sedia ada bagi tujuan berikut:
 - i) Menarik minat lebih ramai pelajar dari pelbagai kaum menyertai KRN dan SRN;
 - ii) Memperkukuh pemahaman dan penghayatan pendidikan Rukun Negara dalam kalangan pelajar melalui pelbagai program dan aktiviti; dan
 - iii) Mengukuhkan kerjasama antara pelajar dengan komuniti dan agensi Kerajaan, swasta serta NGO melalui program-program yang dianjurkan secara bersama.

Selari dengan Strategi 1 Aspirasi Pertama Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 iaitu Meningkatkan

Literasi, Pemahaman dan Penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, Kementerian Perpaduan Negara akan terus mengukuhkan peranan KRN dan SRN sebagai tapak integrasi perpaduan dalam kalangan pelajar di sekolah dan institusi pengajian tinggi.

**PECAHAN BILANGAN KRN DAN SRN MENGIKUT NEGERI DI
SELURUH NEGARA**

BIL	NEGERI	JUMLAH KRN	JUMLAH SRN
1	SELANGOR	756	30
2	SABAH	556	13
3	SARAWAK	408	11
4	JOHOR	1038	14
5	PERAK	595	14
6	PAHANG	591	12
7	PULAU PINANG	367	9
8	TERENGGANU	451	12
9	KEDAH	559	18
10	KELANTAN	467	8
11	NEGERI SEMBILAN	337	11
12	WP KUALA LUMPUR	302	13
13	MELAKA	259	11
14	PERLIS	104	7
15	WP PUTRAJAYA	26	-
16	WP LABUAN	27	1
JUMLAH		6843	184

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SALIM SHARIF (JEMPOL)

SOALAN : 213

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan dasar baharu bagi memperkukuh agenda hal ehwal perpaduan dan integrasi nasional agar lebih inklusif, jelas serta mampan dalam menangani isu perpaduan negara secara holistik.

JAWAPAN:

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengambil inisiatif menghasilkan beberapa dokumen dasar dan pelan tindakan perpaduan bagi memupuk dan mengeratkan perpaduan kaum di Malaysia seperti berikut:

- I. **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** yang dilancarkan pada **15 Februari 2021** merupakan dasar payung yang julung kali dihasilkan oleh Kerajaan secara khusus bagi memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep “Perpaduan Dalam Kepelbagaian”. Dasar ini menetapkan agenda dan halatuju perpaduan nasional berdasarkan **tiga (3) teras utama** iaitu:

- a. Patriotisme dan demokrasi;
- b. Identiti nasional; dan
- c. Ekosistem perpaduan.

- II. **Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030** yang dilancarkan bersekali dengan DPN merupakan dokumen yang menggariskan anjakan strategik bagi mencapai objektif yang terkandung di dalam DPN secara komprehensif. Dokumen ini menetapkan **3 aspirasi, 12 strategi dan 41 anjakan strategi** dalam usaha membina dan mengekalkan perpaduan negara dan integrasi nasional.
- III. Bagi menterjemahkan strategi yang digariskan melalui dokumen DPN dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 ke dalam bentuk pelaksanaan, **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** juga telah dihasilkan dengan menyusun program dan inisiatif secara khusus, inklusif dan holistik melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.

Bagi memastikan dasar dan pelan tindakan tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan, Kementerian Perpaduan Negara juga telah menghasilkan pelan-pelan pemerkasaan agen perpaduan seperti berikut:

- i. **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030** berserta Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga iaitu **RT4ALL**;

- ii. **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021- 2030;**
- iii. **Pemantapan Modul Kelab Rukun Negara (KRN) di peringkat sekolah dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat universiti;**
- iv. **Pelan Merakyatkan Perpaduan (K.A.M.I); dan**
- v. **Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI).**

Dengan penghasilan dokumen dasar dan pelan tindakan ini, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama pelbagai pihak di setiap peringkat daripada peringkat Kementerian hingga ke peringkat komuniti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN
HAJI NASARAH (LENGGONG)**

SOALAN : 334

DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah terdapat sebarang kajian yang membuat penilaian terhadap tahap ketegangan kaum di Malaysia dan apakah keputusan penilaian tersebut.

JAWAPAN

1. Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia sedang membangunkan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas).
2. IPNas merupakan indeks yang akan memberikan **petunjuk tahap kesepaduan nasional** bagi membolehkan Kerajaan mengenalpasti dan merancang strategi, usaha dan **program intervensi** yang sesuai dengan hasrat untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berfikir dan membudayakan perpaduan.

3. Objektif Kajian IPNas 2021 adalah seperti berikut:

- (i) Mengukur tahap perpaduan dan keadaan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia bagi tahun 2021 di peringkat nasional dan mengikut negeri;
- (ii) Mengukur tahap ketegangan antara kaum di Malaysia; dan
- (iii) Mencadangkan strategi dan usaha-usaha bagi memantapkan tahap perpaduan di Malaysia berdasarkan hasil dapatan kajian.

4. Berdasarkan perancangan asal, kajian IPNas 2021 yang dimulakan pada Mac 2021 dijangka selesai pada November 2021. Namun berikutan pandemik COVID-19 ini diseluruh negara, kajian ini terpaksa ditangguhkan kerana kajian lapangan secara bersemuka tidak dapat dijalankan. Ia dijangka selesai pada Mac 2022.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ZAHID BIN MD ARIP

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan

- a) Definisi, konsep, matlamat serta pelan tindakan gagasan 'Keluarga Malaysia'; dan
- b) Bagaimana Kerajaan hendak memastikan slogan ini tidak menimbulkan kekeliruan, mengelakkan daripada dianggap sekadar frasa kosong dan memastikan ia terlaksana serta boleh diukur pencapaiannya.

SOALAN NO. 34

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah yang dihasratkan dengan slogan 'Keluarga Malaysia' dalam ucapan sulung selepas dilantik dan pelan tindakan yang telah dirangka untuk memastikan slogan tersebut diterjemahkan kepada suatu impian yang boleh dihayati dan difahami serta mampu dijayakan oleh semua Kementerian/Jabatan dan seluruh rakyat.

SOALAN NO. 24

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah pendekatan untuk masyarakat menghayati Konsep Keluarga Malaysia dengan lebih bermakna.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawabnya bersekali dengan Soalan No. 34 bertarikh 4 Oktober 2021 daripada YB Tuan Aknan Ehtook dan Soalan No. 24 bertarikh 12 Oktober 2021 yang menyentuh isu yang sama.

1. Frasa Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri menekankan kepada persamaan dengan tidak lagi menggali perbezaan. **Konsep Keluarga Malaysia** ini menekankan kepada

kesepakatan dan bersifat inklusif, merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum. Pengamalan nilai-nilai murni akan menjadi tunjang bagi melahirkan sebuah Keluarga Malaysia yang makmur berasaskan kepercayaan, perpaduan dan toleransi.

2. Bagi menyokong aspirasi Keluarga Malaysia ini mencapai hasrat yang ditetapkan, Kementerian Perpaduan Negara sedang membangunkan **Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia**. Pelan ini bersifat inklusif dengan menjadikan **Perlembagaan** dan **Rukun Negara** sebagai teras utama dalam pembinaan sebuah masyarakat yang harmoni dan sejahtera.
3. Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia ini mempunyai objektif seperti berikut:
 - i. memahami konsep perpaduan dalam konteks Keluarga Malaysia;
 - ii. mewujudkan aspirasi perpaduan yang jelas untuk dicapai dalam tempoh 10 tahun yang akan datang daripada tahun 2021 hingga 2030; dan
 - iii. menggariskan anjakan strategi dan juga inisiatif-inisiatif baharu yang bersasar dan komprehensif bagi merealisasikan aspirasi perpaduan yang diharapkan.

4. Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia ini adalah juga untuk menterjemahkan **Dasar Perpaduan Negara** dan **Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Nasional** dalam bentuk pelaksanaan program dan inisiatif yang lebih terancang dan merentasi pelbagai agensi termasuk agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU

TARIKH JAWAPAN : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN : 26

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **Menteri Perpaduan Negara** menyatakan apakah kemungkinan Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) diletakkan kembali dibawah pemantauan langsung JPM bagi memudahkan pelaksanaan pembangunan sosioekonomi masyarakat India secara holistik.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Pembangunan sosioekonomi masyarakat India merupakan antara perkara yang diberikan penekanan utama oleh Kerajaan. Kepentingan ini dapat dilihat apabila Kerajaan telah meletakkan MITRA daripada sebuah unit di bawah Jabatan Perdana Menteri kepada satu agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara mulai 10 Mac 2020.

2. Bagi memastikan pembangunan sosioekonomi masyarakat India khususnya B40 dapat dilaksanakan secara lebih efektif, Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan **Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI) 2021** yang akan **dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan November 2021**. PTMI 2021 ini mengandungi **lima (5) tunjang utama** seperti berikut:
 - i. **memperkasakan keperluan asas;**
 - ii. **meningkatkan kemenjadian setiap kanak-kanak;**
 - iii. **menaiktaraf ekonomi dan keusahawanan;**
 - iv. **memperkasakan keterangkuman sosial; dan**
 - v. **memperkasakan wanita ke arah kesaksamaan gender.**

3. Kelima-lima tunjang ini merupakan fokus utama dalam usaha meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat India khususnya B40 pada masa akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU

TARIKH JAWAPAN : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN : 12

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan tentang peranan signifikan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Antara Agama (HARMONI) sejak diwujudkan dan mengapakah masih wujudnya dakwaan bahawa isu-isu berkaitan agama bukan Islam tidak dibincangkan terdahulu dengan HARMONI untuk penyelesaian yang menyeluruh.

JAWAPAN:

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada **14 Ogos 2020** telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Keharmornian Antara Penganut Agama (HARMONI).
2. Jawatankuasa ini **menggantikan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara**

Penganut Agama (JKMPKA) yang ditubuhkan pada tahun 2010 dan berakhir pada 31 Disember 2019.

JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI) SELAIN ISLAM

1. Jawatankuasa ini merupakan platform yang diwujudkan oleh Kementerian Perpaduan Negara **untuk mendapatkan pandangan dan nasihat berhubung hal ehwal agama selain Islam.**
2. Jawatankuasa HARMONI selain Islam ini terdiri daripada **YB Menteri Perpaduan Negara sebagai pengerusi dan 14 orang pemimpin badan-badan agama** atau wakil pertubuhan yang dikenalpasti dan dilantik oleh Kementerian Perpaduan Negara.
3. Komposisi Ahli Jawatankuasa HARMONI selain Islam adalah seperti berikut:

BIL.	AGAMA	BILANGAN
1	KRISTIAN	4
2	BUDDHA	4
3	HINDU	2
4	SIKH	1
5	TAO	2
6	BAHA'I	1
JUMLAH		14

JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI) BERSAMA JAKIM

1. Jawatankuasa ini merupakan satu-satunya **platform yang diwujudkan untuk merapatkan jurang antara badan-badan agama Islam dan bukan Islam** serta berkongsi pandangan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.
2. Jawatankuasa HARMONI terdiri daripada **YB Menteri Perpaduan Negara, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan 24 orang pemimpin badan-badan agama atau wakil pertubuhan** yang dikenalpasti dan disenarai pendek oleh Kementerian Perpaduan Negara dan JAKIM.
3. Komposisi Ahli Jawatankuasa HARMONI adalah seperti berikut:

BIL.	AGAMA	BILANGAN
1	ISLAM	10
2	KRISTIAN	4
3	BUDDHA	4
4	HINDU	2
5	SIKH	1
6	TAO	2
7	BAHA'I	1
JUMLAH		24

4. **Terma rujukan** Jawatankuasa HARMONI adalah seperti berikut:

- i. Membentuk platform yang terdiri daripada pemimpin badan agama, atau persatuan agama serta lain-lain pihak berkaitan;
- ii. memantapkan iklim perhubungan yang baik dalam kalangan pemimpin serta penganut pelbagai agama berteraskan semangat saling hormat menghormati dan bekerjasama di semua peringkat;
- iii. menggalakkan semua penganut agama memahami dan menghormati Perlembagaan Persekutuan;
- iv. meningkatkan penghayatan rakyat kepada nilai-nilai agama selaras dengan Prinsip Rukun Negara; dan
- v. meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam agar menjadi sumber kekuatan negara dan masyarakat.

5. **Fungsi** Jawatankuasa HARMONI adalah seperti berikut:

- i. Membincangkan dan mencari titik pertemuan pandangan dalam menyelesaikan isu – isu keagamaan secara bersama;
- ii. Mencadangkan aktiviti – aktiviti kemasyarakatan untuk mempromosikan nilai-nilai kebersamaan ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera, aman damai dan harmoni;
- iii. Bekerjasama merapatkan hubungan antara agensi kerajaan dan badan atau pertubuhan agama untuk pelbagai sesi libat urus di peringkat akar umbi; dan
- iv. Membantu menyelesaikan konflik atau salah faham berkaitan isu agama melalui kaedah intervensi dan mediasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK

TARIKH JAWAPAN : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAH : 16

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan statistik bilangan penganut bagi setiap agama yang diiktiraf di negara ini dan apakah jaminan yang diberikan oleh Kerajaan secara perundangan dan pentadbiran agar para penganut pelbagai agama tersebut bebas untuk membangunkan tempat ibadat dan mendapat didikan agama masing-masing tanpa dihalang.

JAWAPAN:

1. Berdasarkan data **Banci Penduduk dan Perumahan 2010** oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah penduduk rakyat Malaysia adalah **32,657,300 juta**. Jumlah rakyat Malaysia mengikut pecahan agama adalah seperti berikut:

BIL.	AGAMA	JUMLAH
1.	Islam	19,954,300
2.	Buddha	6,475,800

BIL.	AGAMA	JUMLAH
3.	Kristian	3,083,200
4.	Hindu	2,053,200
5.	Sikh	44,800
6.	Lain-lain agama	812,500
7.	Tiada agama	233,400
JUMLAH		32,657,300

Sumber: Data bancian oleh DOSM 2010.

2. **Berdasarkan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan** memperuntukkan bahawa **agama Islam ialah agama rasmi persekutuan** tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan.

3. Manakala di bawah **Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan** telah memberi **hak kebebasan beragama** iaitu tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada fasal (4) mengembangkan agamanya. Ketetapan ini menjamin keharmonian antara agama sekaligus membentuk perpaduan yang kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia.

4. Bagi mendirikan **rumah ibadat selain Islam**, ianya terletak di bawah bidang kuasa **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** di bawah Kerajaan Negeri. Manakala, bagi **rumah ibadat agama Islam**, adalah di bawah bidang kuasa **Majlis Agama Islam** negeri masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN : 9

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **Menteri Perpaduan Negara** menyatakan jumlah peruntukan yang diterima oleh Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) bagi tahun 2020 dan 2021 serta jumlah peruntukan yang telah diguna bagi pembangunan sosioekonomi masyarakat India.

JAWAPAN:

Yang Dipertua

MITRA di JPM

- a) Pada tahun 2020, **MITRA** telah diperuntukan sebanyak **RM100,000,000.00** akan tetapi perlu melunaskan komitmen tahun 2019 sebanyak **RM15,883,944.71** dan komitmen dari bulan Januari hingga Mac 2020 sebanyak **19,002,634.29**.

Bil	Jumlah Peruntukan Mengikut Kluster	Komitmen 2019 (RM)	Komitmen 2020 Jan hingga Mac (RM)
1	Modal Insan	8,231,237.26	9,325,488.75
2	Keusahawanan	3,826,353.73	4,932,145.00
3	Kesejahteraan Sosial	3,826,353.72	4,745,000.54
JUMLAH		15,883,944.71	19,002,634.29
JUMLAH KESELURUHAN		34,886,579.00	

MITRA di KPN

April 2020 hingga Disember 2020, peruntukan MITRA di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) - RM65,113,421.00

Bil	Jumlah Peruntukan Mengikut Kluster	April 2020 hingga Disember 2020			
		Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Bil NGO	Bil Penerima manfaat
1	Modal Insan	20,241,598.00	28,472,835.26	79	175,890
2	Keusahawanan	14,090,629.00	13,523,830.60	57	36,945
3	Kesejahteraan Sosial	30,781,194.00	20,657,204.62	108	751,618
JUMLAH		65,113,421.00	62,653,870.48	244	964,453

Januari 2021 hingga Ogos 2021, peruntukan MITRA di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) selepas menolak komitmen program Tahun 2019 dan 2020 – RM49,146,869.13

Bil	Jumlah Peruntukan Mengikut Kluster	Januari 2021 hingga Ogos 2021			
		Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Bil NGO	Bil Penerima manfaat
1	Modal Insan	15,030,369.95	666,484.60	4	170
2	Keusahawanan	13,695,341.80	1,165,260.00	4	380
3	Kesejahteraan Sosial	20,421,157.38	17,665,007.20	5	60,921
JUMLAH		49,146,869.13	19,496,751.8	13	61,471

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN SUSAN CHEMERAI ANDING

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN : 41

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani kesan negative kepada perpaduan yang disebabkan oleh kelantangan membuat tohmahan antara kaum yang berleluasa di media sosial.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- 1. KPN telah menghasilkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 yang dilancarkan pada 15 Februari 2021.**
- 2. Dasar Perpaduan Negara yang berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara turut memberi penekanan kepada pemantapan ekosistem perpaduan yang juga merangkumi tatacara penggunaan media digital.**

3. Manakala Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 telah menggariskan strategi bagi memantapkan keberkesanan komunikasi melalui penekanan kepada dua (2) aspek:
 - i. **Peranan pelbagai platform media sebagai alat kesedaran sosial dalam menyebarkan perkara positif** untuk mengukuhkan perpaduan; dan
 - ii. **Penggunaan platform media secara beretika.**

4. Manakala **tindakan pemantauan dan kawalan penggunaan media digital** adalah perlu bagi memastikan keharmonian dan mengelakkan penyalahgunaan platform media yang boleh mencetuskan isu perkauman. Antara undang-undang yang berkuatkuasa adalah:
 - i. Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.
 - ii. Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;
 - iii. Seksyen 504 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;

- vi. Seksyen 505 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam; dan
- vii. Seksyen 506 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK

TARIKH JAWAPAN : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN : 23

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah langkah yang dirancang oleh Kementerian untuk menyeragamkan pengurusan Rumah Ibadat Selain Islam bagi memudahkan penyaluran bantuan dan berapakah jumlah bantuan yang telah disalurkan kepada Rumah Ibadat Selain Islam mengikut agama setiap tahun sejak 10 tahun yang lepas.

JAWAPAN:

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memperkemaskan pengurusan dan tadbir urus Rumah Ibadat Selain Islam dengan membangunkan Sistem Pangkalan Data Rumah Ibadat Selain Islam.
2. Sistem ini bertujuan untuk menyimpan data-data rumah ibadat selain Islam bagi memudahkan pengurusan dan tadbir urus sebagai sumber rujukan kepada pihak berwajib.

3. Sehingga 24 September 2021, sebanyak **10,406 buah rumah ibadat** telah didaftarkan mengikut pecahan enam (6) agama selain Islam, iaitu Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, Tao dan Baha'i di setiap negeri.

Bil	Negeri	Buddha	Kristian	Hindu	Sikh	Tao	Bahai	Lain-Lain	Jumlah
1	Johor	529	215	184	6	-	-	-	934
2	Kedah	200	15	148	2	3	-	-	368
3	Kelantan	67	22	17	3	17	-	-	126
4	Melaka	314	15	83	3	-	-	-	415
5	Negeri Sembilan	325	132	484	6	10	-	32	989
6	Pahang	87	21	77	6	63	-	-	254
7	Perak	220	81	513	27	542	-	-	1,383
8	Perlis	48	7	11	1	-	-	-	67
9	Pulau Pinang	224	22	161	1	665	-	3	1,076
10	Sabah	10	383	5	4	6	-	-	408
11	Sarawak	153	2,289	7	3	145	36	10	2,643
12	Selangor	87	89	485	12	541	-	-	1,214
13	Terengganu	11	13	4	-	-	-	-	28
14	WP Kuala Lumpur	266	80	104	6	-	-	12	468
15	WP Labuan	13	16	1	1	-	-	-	31
16	WP Putrajaya	1	-	1	-	-	-	-	2
JUMLAH		2,555	3,400	2,285	81	1,992	36	57	10,406

Nota: Lain-lain (Confucianism / Pagan)

4. Sistem ini dapat membantu KPN melicinkan proses semakan permohonan bantuan kewangan yang akan disalurkan kepada rumah ibadat selain Islam yang layak.
5. Sejak 10 tahun yang lepas, tiada sebarang peruntukan khusus yang telah disalurkan kepada rumah ibadat selain Islam. Walau bagaimanapun, melalui **Ucapan Belanjawan 2021 pada 6 November 2020**, pihak Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menyediakan peruntukan **RM50 juta** bagi projek pembaikan (baik pulih), penyelenggaraan dan kerja-kerja kecemasan di rumah ibadat selain Islam.
6. Pada tahun 2021, pihak Kerajaan telah menyalurkan peruntukan **fasa pertama sebanyak RM20 juta bagi** Program Bantuan Kewangan Pembaikan, Penyelenggaraan dan Kerja-kerja Kecemasan Rumah Ibadat Selain Islam.

Bil	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Kelulusan		Baki Peruntukan (RM)
		Bil Rumah Ibadat	(RM)	
1	20,000,000	374	18,805,180	1,194,820

7. Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah menyediakan garis panduan permohonan Program Bantuan Kewangan tersebut dan telahpun diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 10 Mei 2021.
8. Syarat-syarat permohonan Program Bantuan Kewangan ini adalah seperti berikut:
 - i. **Rumah ibadat perlu didaftarkan** dalam mana-mana entiti yang sah seperti Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pemegang Amanah atau Akta Parlimen; dan
 - ii. Rumah ibadat perlu mengemukakan **bukti status pemilikan tanah**.
9. Kementerian Perpaduan Negara juga mewujudkan tiga (3) jawatankuasa untuk tadbir urus pengurusan Program Bantuan Kewangan ini iaitu:-
 - i. Jawatankuasa Saringan
 - a. Dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian
 - b. Melaksanakan saringan permohonan
 - ii. Jawatankuasa Penilaian
 - a. Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian
 - b. Meluluskan permohonan yang memenuhi syarat
 - iii. Jawatankuasa Pemantauan
 - a. Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian
 - b. Memantau status pelaksanaan pembaikan oleh pemohon Rumah Ibadat yang diluluskan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPAN**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN : 37

TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapa jumlah penerima manfaat dari Geran Kewangan MITRA dan apakah hasil kejayaan terkini dari pemberian geran tersebut kepada masyarakat India.

JAWAPAN:

Yang Dipertua

Untuk tahun 2020, Pihak **MITRA telah melaksanakan 119 Program di bawah 3 Teras Utama** dan sehingga kini program tersebut telah memberi **manfaat kepada 896,625 individu** daripada Masyarakat India Kategori B40.

JUMLAH PENERIMA MANFAAT TAHUN 2020

BIL	Teras	Penerima Manfat (individu)	Bil. Program	Kos (RM)
1	Modal Insan	131,392	32	36,413,242.10
2	Keusahawanan	31,245	33	20,842,901.70
3	Kesejahteraan Sosial	733,988	54	32,619,377.24
JUMLAH		896,625	119	89,875,521.04

Untuk tahun 2021, Pihak MITRA sedang **melaksanakan 13 Program di bawah 3 Teras Utama** dan sehingga kini program tersebut telah memberi **manfaat kepada 93,443 individu** daripada Masyarakat India Kategori B40.

JUMLAH PENERIMA MANFAAT TAHUN 2021

BIL	Teras	Penerima Manfat (individu)	Bil. Program	Kos (RM)
1	Modal Insan	170	4	666,484.60
2	Keusahawanan	380	4	1,165,260.00
3	Kesejahteraan Sosial	92,893	5	20,420,207.20
JUMLAH		93,443	13	22,251,951.80

Antara kejayaan program berimpak tinggi yang dilaksanakan oleh pihak MITRA ialah:

1. Kotak MITRA 2021

- c. **Peruntukan sebanyak RM15,167,544.00** untuk pembekalan kotak makanan yang **akan memanfaatkan 90,283** keluarga Masyarakat India B40 yang miskin dan miskin tegar;
- d. **Sejumlah 54,798 kotak makanan** telah diedarkan kepada keluarga Masyarakat India B40 **di ladang, kawasan pinggir bandar dan bandar;**

e. Agihan kotak MITRA adalah seperti di bawah:

Bil	Kategori	Bil. Ahli	Bil. Kotak
1	Ahli Parlimen	202	62,950
2	Exco MexUnity	16	11,200
5	KRT	10	1,000
6	Ladang	20	2,650
7	Pemimpin Tempatan	14	9,350
8	NGO	20	3,048
9	Lain-lain	85	85
		JUMLAH	90,283

2. Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK)

- a. Tumpuan di kawasan bandar, luar bandar dan ladang di (9) negeri yang mempunyai kadar kepadatan penduduk Masyarakat India yang tinggi iaitu **Perak, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan, Johor, Pahang, Perlis dan Terengganu;**
- b. Merupakan **kerjasama strategik dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta National Union of Plantation Workers (NUPW)** untuk membantu pihak kerajaan **meningkatkan kadar vaksinasi dikalangan Masyarakat India;** dan

- c. Pelaksanaan Program MOVAK bagi Masyarakat India adalah seperti berikut:

Negeri	Lokasi	Penerima Vaksin	Dua Dos	Penerima Vaksin Masyarakat India	Dua Dos
Kedah	Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ko Sarangapany	151	302	145	290
Negeri Sembilan	Dewan Orang Ramai Kg India, Port Dickson	270	540	82	164
	Ladang Kok Fah, Jempol	246	492	225	450
	Dewan Taman Siliau Jaya, Port Dickson	264	528	211	422
JUMLAH		931	1862	663	1326

3. Pengebumian Jenazah Masyarakat India B40 COVID 19 di Hospital Kuala Lumpur (PUSARA)

- MITRA telah **memperuntukkan sebanyak RM500,000** untuk membantu masyarakat India B40 menguruskan pengebumian mayat.
- Sehingga kini, sebanyak **RM263,500** telah disalurkan kepada **95 mayat** Masyarakat India B40.

PERKARA	COVID-19	BUKAN COVID-19	JUMLAH
Jumlah Kematian	31	64	95
Peruntukan	RM81,900	RM181,600	RM263,500

- **Peruntukan tambahan sebanyak RM500,000 akan disediakan iaitu RM250,000.00** untuk membayar kos perkhidmatan pengebumian jenazah Masyarakat India B40 **COVID-19** dan **RM250,000.00 bukan COVID-19**.
- **Kos Maksima Pengebumian** yang ditanggung adalah sebanyak **RM3,000.00** bagi setiap jenazah yang dikendalikan secara bergilir oleh **(13) buah syarikat pengebumian** yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian. 13 syarikat tersebut adalah seperti berikut:-
 - a. Eden Funeral Services
 - b. HFS Heaven Casket Services
 - c. Kailasum Shah Alam Casket

- d. M.I Casket
- e. Norman Funeral Services
- f. NS Indian Casket
- g. PJ Funeral Services
- h. Sai Sivam Casket Services
- i. Selayang Indian Casket
- j. SG Buloh Casket
- k. VJ Funeral Services
- l. VR Casket
- m. Zen Funeral Services

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN : 24

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah pendekatan untuk masyarakat menghayati Konsep Keluarga Malaysia dengan lebih bermakna.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri merupakan satu aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih makmur berasaskan kepercayaan, perpaduan dan toleransi antara semua kaum.
2. Bagi menyokong aspirasi Keluarga Malaysia ini mencapai hasrat yang ditetapkan, Kementerian Perpaduan Negara sedang membangunkan **Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia**. Pelan ini bersifat inklusif

dengan menjadikan **Perlembagaan** dan **Rukun Negara** sebagai teras utama dalam pembinaan sebuah masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

3. Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia ini mempunyai objektif seperti berikut:

iv. memahami konsep perpaduan dalam konteks Keluarga Malaysia;

v. mewujudkan aspirasi perpaduan yang jelas untuk dicapai dalam tempoh 10 tahun yang akan datang daripada tahun 2021 hingga 2030; dan

vi. menggariskan anjakan strategi dan juga inisiatif-inisiatif baharu yang bersasar dan komprehensif bagi merealisasikan aspirasi perpaduan yang diharapkan.

4. Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia ini adalah juga untuk menterjemahkan **Dasar Perpaduan Negara** dan **Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Nasional** dalam bentuk pelaksanaan program dan inisiatif yang lebih terancang dan merentasi pelbagai agensi termasuk agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ISA BIN AB. HAMID

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN : 47

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah kampung dan Orang Asli yang terlibat dalam Program Vaksinasi di bawah kendalian MOVAK yang diadakan secara bergerak (*mobile*) ke komuniti Orang Asli di seluruh negara.

JAWAPAN:

1. Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) adalah suatu program inisiatif bersama Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan sokongan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan CITF Negeri/Daerah.
2. Program MOVAK ini telah dilancarkan pada 10 Julai 2021 dengan menggunakan 25 buah bas yang telah diubahsuai untuk dijadikan

Pusat Pemberian Vaksin Bergerak mengikuti spesifikasi yang diluluskan Kementerian Kesihatan Malaysia.

3. Tumpuan program MOVAK adalah di kawasan kampung, ladang / estet dan kawasan perumahan orang asli. Sejak dilancarkan, seramai 3,349 masyarakat orang asli telah menerima suntikan lengkap yang melibatkan 14 buah perkampungan orang asli di 3 buah negeri iaitu Johor, Pahang dan Perak. Program vaksinasi melalui MOVAK kepada masyarakat orang asli adalah untuk saling lengkap melengkapi peranan dan tanggungjawab Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) untuk meningkatkan tahap kesihatan masyarakat orang asli ke arah kesejahteraan hidup.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU

TARIKH JAWAPAN : 14 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN : 49

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah strategik atau usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan modal saham kaum India dari 1% kepada 3%.

JAWAPAN:

Yang Dipertua

1. MITRA di bawah seliaan Kementerian Perpaduan Negara adalah berfokuskan kepada peningkatan sosioekonomi masyarakat India golongan B40. Bagi memastikan MITRA dapat melaksanakan peranan bagi mencapai matlamat *Malaysia Indian Blueprint (MIB)*, Kementerian Perpaduan Negara sedang membangunkan **Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI) MITRA**.

2. Pelan ini bertujuan untuk **menyediakan panduan pelaksanaan bagi program pembangunan sosioekonomi masyarakat India di bawah tanggungjawab MITRA.**
3. Melalui pelan ini, **lima (5) Tunjang** dibangunkan secara menyeluruh untuk melaksanakan program tindakan dan aktiviti mengikut jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang menjelaskan indikator dan sasaran yang ingin dicapai.
4. **Lima (5) Tunjang** tersebut adalah:
 - a. **Memperkasakan Keperluan Asas** yang merangkumi membasmi kemiskinan, perumahan, kestabilan keluarga.
 - b. **Meningkatkan Kemenjadian Setiap Kanak-Kanak** merangkumi pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan rendah SJKT, Sekolah Kebangsaan, pendidikan menengah, pendidikan tinggi dan golongan belia.
 - c. **Menaiktaraf Ekonomi & Keusahawanan** merangkumi kemahiran professional, keusahawanan, peningkatan kekayaan.
 - d. **Memperkasakan Keterangkuman Sosial** merangkumi dokumentasi & kewarganegaraan, isu keagamaan & kuil, sumbangan social kuil, dewan orang ramai, kakitangan awam, bebas jenayah dan memperbaiki persepsi; dan
 - e. **Memperkasakan Wanita Ke Arah Kesaksamaan Gender** dengan meningkatkan akses, penyaluran maklumat, kesejahteraan wanita dan wanita terpinggir.

5. Beberapa strategi Jangka Pendek, Jangka Sederhana dan Jangka Panjang telah digariskan dalam Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI) untuk mengalakkan dan seterusnya meningkatkan kadar penyertaan masyarakat India dalam pemilikan modal saham. Antara strategi-strategi tersebut adalah seperti dibawah:
- a. Penubuhan '*ecosystem builders*' di mana para usahawan muda boleh diterapkan di bawah seorang usahawan berjaya dalam satu komuniti yang tertentu;
 - b. Peningkatan program Latihan '*skill-based approach*' kepada usahawan India untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran menyeluruh dalam mengembangkan perniagaan mereka;
 - c. Memperkasakan jerayawara dan kempen *outreach* untuk kemahiran semula (*reskilling*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*); dan
 - d. Meningkatkan bilangan yang berdaftar dalam Program 'Kemahiran Digital Pekerjaan Masa Depan'.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN
NAIR**

TARIKH : 20 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN : 3

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan aspek-aspek yang perlu ditambah baik dalam memastikan agenda vaksinasi kebangsaan menerusi program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) dapat diperluaskan ke kawasan-kawasan luar bandar, khususnya di Negeri Sembilan, agar penduduk luar bandar mendapat akses kemudahan vaksinasi bergerak kendalian MOVAK.

JAWAPAN:

1. **Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK)** adalah suatu program inisiatif bersama Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan sokongan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan CITF Negeri/Daerah.
2. Program MOVAK ini melibatkan **penggunaan 25 buah bas yang telah diubahsuai** untuk dijadikan Pusat Pemberian Vaksin

Bergerak mengikuti spesifikasi yang diluluskan Kementerian Kesihatan Malaysia.

3. Menggunakan khidmat sukarelawan Rukun Tetangga bagi menggerak **tiga (3) unit sokongan** yang ditubuhkan di bawah program MOVAK iaitu:

a) **Unit Panggilan:**

Sukarelawan Rukun Tetangga akan membuat panggilan pengesahan dan peringatan kepada penerima vaksin yang telah mendaftar berkenaan tarikh temujanji untuk hadir menerima vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

b) **Unit Mobilisasi Kenderaan:**

Sukarelawan Rukun Tetangga akan menyediakan kenderaan bagi tujuan pengangkutan penerima vaksin COVID-19 yang tidak mempunyai kenderaan untuk hadir di PPV.

c) **Unit Tindakan/Jangkauan Komuniti:**

Sukarelawan Rukun Tetangga melakukan pendampingan (outreach) kepada masyarakat setempat bagi membantu menyediakan perkhidmatan berikut:

- i. Menjalankan kempen pendaftaran vaksin COVID-19;
- ii. Menjalankan kempen kesedaran tentang pengambilan vaksin COVID-19 serta pematuhan SOP; dan
- iii. Menyampaikan keputusan terkini Kerajaan berhubung dengan COVID-19.

4. Sehingga 15 Oktober 2021, seramai **557,669 orang berjaya divaksinasi** melalui program MOVAK yang dilaksanakan di kawasan pinggir bandar, kampung, ladang/estet dan perkampungan orang asli.

5. Melalui program MOVAK ini juga, Kementerian menjalinkan kerjasama dengan **Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW)** dengan menyasarkan **masyarakat India yang berada di ladang dan estet** yang tercicir daripada menerima vaksin. Melalui kerjasama ini, KPN mensasarkan seramai **5,000 masyarakat India** untuk menerima vaksin.

6. Bagi **Negeri Sembilan**, seramai **10,324 orang** telah menerima vaksin melalui program MOVAK yang mana turut melibatkan kawasan luar bandar dan ladang-ladang seperti di Dewan Orang Ramai Kg. India, Port Dickson, Ladang Kok Fah, Jempol, Dewan Taman Siliau Jaya, Port Dickson.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK

TARIKH : 20 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN : 30

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh manakah perpaduan antara kaum di Malaysia telah membantu meningkatkan 'happiness index' dalam kalangan rakyat Malaysia serta apakah halangan yang sedang diatasi oleh Kementerian untuk memperbaiki indeks ini.

JAWAPAN:

1. Dimaklumkan bahawa statistik berkenaan '**Happiness Index**' atau **Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM)** masih dalam fasa pembangunan oleh Jabatan Perangkaan (DOSM) dan belum diterbitkan dalam mana-mana laporan di DOSM.
2. *Highlights* utama dalam penerbitan **Laporan IKRM 2019** adalah seperti berikut:

- Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) dibangunkan untuk mengukur tahap kesejahteraan rakyat Malaysia daripada perspektif ekonomi dan sosial.
- IKRM terdiri daripada lima komponen ekonomi iaitu;
 1. Pengangkutan
 2. Komunikasi
 3. Pendidikan
 4. Pendapatan dan pengagihan; dan
 5. Persekitaran kerja.
- Terdapat sembilan komponen sosial iaitu;
 1. Perumahan
 2. Hiburan dan rekreasi
 3. Keselamatan awam
 4. Penyertaan sosial
 5. Tadbir urus
 6. Kebudayaan
 7. Kesihatan
 8. Alam sekitar dan
 9. Keluarga

- IKRM meningkat 0.6 peratus kepada 121.0 mata indeks pada 2019 berbanding 120.3 mata indeks pada 2018.
 - Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan kesejahteraan ekonomi iaitu 2.3 peratus kepada 131.8 mata indeks pada 2019 berbanding 128.8 mata indeks pada 2018.
3. Di peringkat Kementerian Perpaduan Negara, pelbagai usaha telah diambil bagi, meningkatkan tahap perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum dan agama.
 4. Melalui Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara, pelbagai strategi telah digariskan melalui tiga Teras utama iaitu :
 - i. Patriotisme dan demokrasi;
 - ii. Identiti Nasional; dan
 - iii. Ekosistem Perpaduan
 5. Kementerian juga sedang membangunkan KAMi@Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia selari dengan aspirasi Kerajaan dalam mengukuhkan ikatan perpaduan rakyat Malaysia sebagai sebuah keluarga yang menekankan aspek inklusiviti dan semangat keterangkuman.
 6. Dalam mencapai hasrat ini, cabaran yang ada perlu ditangani dengan penuh hemah termasuk penggunaan media digital yang boleh mencetuskan perselisihan dan salah faham.

7. Penerapan nilai-nilai dan kesedaran masyarakat tentang tatacara penggunaan media digital semestinya diberi keutamaan. Kawalan ke atas penggunaan media digital dilaksanakan melalui peraturan dan akta-akta sedia seperti Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.
8. Kementerian juga dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia sedang membangunkan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas).
9. IPNas merupakan indeks yang akan memberikan **petunjuk tahap kesepaduan nasional** bagi membolehkan Kerajaan mengenalpasti dan merancang strategi, usaha dan **program intervensi** yang sesuai dengan hasrat untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berfikir dan membudayakan perpaduan.
10. Objektif Kajian IPNas 2021 adalah seperti berikut:
 - (i) Mengukur tahap perpaduan dan keadaan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia bagi tahun 2021 di peringkat nasional dan mengikut negeri;
 - (ii) Mengukur tahap ketegangan antara kaum di Malaysia; dan
 - (iii) Mencadangkan strategi dan usaha-usaha bagi memantapkan tahap perpaduan di Malaysia berdasarkan hasil dapatan kajian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU

TARIKH : 20 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN : 47

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sama ada Kerajaan baru akan menghidupkan kembali Plan Induk Pembangunan Masyarakat India (MIB) yang merupakan tunjang utama pembangunan kaum India dalam pelbagai sektor yang telah diusahakan oleh Kerajaan BN pada tahun 2017 dan berhentikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

JAWAPAN:

1. ***Malaysian Indian Blueprint (MIB)*** merupakan satu dokumen dasar yang dibangunkan pada tahun 2017, meliputi pelbagai aspek pembangunan sosioekonomi masyarakat India secara menyeluruh.
2. MIB dibangunkan untuk membantu masyarakat India dalam **menangani tiga (3) cabaran utama iaitu ekonomi, pendidikan dan sosial.**

3. Program-program yang dilaksanakan di bawah MITRA adalah berdasarkan rangka tindakan yang digariskan melalui MIB. Kementerian melihat bahawa pelaksanaan program perlu penambahbaikan berdasarkan keperluan dan kehendak semasa.
4. Dengan itu, bermula tahun 2020, **Pelan Pembangunan Masyarakat India (PTMI)** mula dibangunkan.
5. Pembangunan PTMI bertujuan untuk **menyediakan panduan pelaksanaan bagi program pembangunan sosioekonomi masyarakat India di bawah tanggungjawab MITRA.**
6. Melalui pelan ini, **lima (5) Tunjang** dibangunkan secara menyeluruh bagi melaksanakan program dan tindakan mengikut jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang menjelaskan indikator dan sasaran yang perlu dicapai.
7. **Lima (5) Tunjang** tersebut adalah :
 - a) **Memperkasakan Keperluan Asas** yang merangkumi membasmi kemiskinan, perumahan, kestabilan keluarga.
 - b) **Meningkatkan Kemenjadian Setiap Kanak-Kanak** merangkumi pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan rendah SJKT, Sekolah Kebangsaan, pendidikan menengah, pendidikan tinggi dan golongan belia.
 - c) **Menaiktaraf Ekonomi & Keusahawanan** merangkumi kemahiran professional, keusahawanan, peningkatan kekayaan.
 - d) **Memperkasakan Keterangkuman Sosial** merangkumi dokumentasi & kewarganegaraan, isu keagamaan & kuil,

sumbangan social kuil, dewan orang ramai, kakitangan awam, bebas jenayah dan memperbaiki persepsi; dan

- e) **Memperkasakan Wanita Ke Arah Kesaksamaan Gender** dengan meningkatkan akses, penyaluran maklumat, kesejahteraan wanita dan wanita terpinggir.

6. **Bagi memastikan Pelan Tindakan Masyarakat India dapat dilaksanakan dengan tersusun dan mencapai objektifnya, dua (2) buah jawatankuasa akan ditubuhkan iaitu:**

- a) **Jawatankuasa Pemandu PTMI yang dipengerusikan oleh KSU Kementerian Perpaduan Negara; dan**
- b) **Jawatankuasa Kerja PTMI dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MITRA.**

7. Di samping itu, Pelan Tindakan Masyarakat India ini juga dibangunkan bersama **empat (4) modul utama** iaitu:

- a) Modul Pelaksanaan;
- b) Modul Pemantauan;
- c) Modul Penilaian; dan
- d) Modul Promosi.

8. Dalam usaha pembangunan sosioekonomi masyarakat India B40, pelbagai mekanisma dan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang telah dan akan dilaksanakan untuk memastikan tahap kemampuan dan daya saing masyarakat India berada pada tahap kompetitif bersama masyarakat lain di bawah payung Keluarga Malaysia.

9. Dalam hal ini, MITRA sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan ke atas pembangunan sosioekonomi masyarakat India B40, akan sentiasa memastikan program-program yang digariskan melalui Pelan Tindakan Masyarakat India ini dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai objektif pembangunannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU

TARIKH : 21 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN : 25

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah cabaran atau halangan untuk membentuk Jabatan Agama Bukan Islam bagi mengkoordinasikan dan mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan agama-agama selain Islam.

JAWAPAN:

1. Kementerian Perpaduan Negara telah mewujudkan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) Selain Islam pada 14 Ogos 2020 yang merupakan platform **untuk mendapatkan pandangan dan nasihat berhubung hal ehwal agama selain Islam.**
2. Jawatankuasa HARMONI selain Islam ini terdiri daripada **YB Menteri Perpaduan Negara sebagai pengerusi dan 14 orang pemimpin badan-badan agama** atau wakil pertubuhan yang dikenalpasti dan dilantik oleh Kementerian Perpaduan Negara.

3. Komposisi Ahli Jawatankuasa HARMONI selain Islam adalah seperti berikut:

BIL.	AGAMA	BILANGAN
1	KRISTIAN	4
2	BUDDHA	4
3	HINDU	2
4	SIKH	1
5	TAO	2
6	BAHA'I	1
	JUMLAH	14

4. **Terma rujukan** Jawatankuasa HARMONI adalah seperti berikut:

- i. Membentuk platform yang terdiri daripada pemimpin badan agama, atau persatuan agama serta lain-lain pihak berkaitan;
- ii. memantapkan iklim perhubungan yang baik dalam kalangan pemimpin serta penganut pelbagai agama berteraskan semangat saling hormat menghormati dan bekerjasama di semua peringkat;
- iii. menggalakkan semua penganut agama memahami dan menghormati Perlembagaan Persekutuan;
- iv. meningkatkan penghayatan rakyat kepada nilai-nilai agama selaras dengan Prinsip Rukun Negara; dan
- v. meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam agar menjadi sumber kekuatan negara dan masyarakat.

5. **Fungsi** Jawatankuasa HARMONI adalah seperti berikut:

- i. Membincangkan dan mencari titik pertemuan pandangan dalam menyelesaikan isu – isu keagamaan secara bersama;
- ii. Mencadangkan aktiviti – aktiviti kemasyarakatan untuk mempromosikan nilai-nilai kebersamaan ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera, aman damai dan harmoni;
- iii. Bekerjasama merapatkan hubungan antara agensi kerajaan dan badan atau pertubuhan agama untuk pelbagai sesi libat urus di peringkat akar umbi; dan
- iv. Membantu menyelesaikan konflik atau salah faham berkaitan isu agama melalui kaedah intervensi dan mediasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SERUANDI BIN SAAD

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN : 5

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh mana Kerajaan bercadang untuk mengaktifkan peranan Rukun Tetangga dan apakah status kajian kenaikan kadar geran tahunan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) daripada RM6,000 ke RM10,000 yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) sejak tahun 2018.

JAWAPAN:

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah merangka pelbagai inisiatif dan gerak kerja bagi memperkasa dan memperkukuhkan peranan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) yang bertujuan memastikan KRT di seluruh negara dapat menyampaikan perkhidmatan yang berkesan kepada komuniti setempat.

2. **Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030** telah dibangunkan bagi tujuan **pemantapan kepimpinan komuniti RT serta pengukuhan program dan aktiviti RT untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada komuniti.**
3. Bagi menterjemahkan pelaksanaan Pelan Pemerksaan ini melalui aktiviti-aktiviti berimpak tinggi, KPN telah menerbitkan buku **Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga** atau **RT4ALL**.
4. **Empat Gerak Kerja khusus** yang telah dirangka melalui RT4All adalah seperti berikut:
 - a) **Gerak Kerja KRT Sejahtera** – memfokuskan kepada matlamat kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup komuniti.
 - b) **Gerak Kerja KRT Selamat** – kerjasama KRT dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) bagi memastikan komuniti bebas daripada jenayah, konflik masyarakat serta bersedia memberi khidmat bantu mula kepada masyarakat sekiranya menghadapi sebarang bencana.
 - c) **Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah** – memfokuskan kepada program pembersihan dan pengindahan kawasan komuniti.
 - d) **Gerak Kerja KRT Sihat** secara kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melibatkan Program Komuniti Sihat

Perkasa Negara (KOSPEN) dan Program Communication for Behaviourial Impact (COMBI).

5. Melalui penambahbaikan dan pemeraksanaan yang telah dan sedang dilaksanakan ini, KRT akan menjadi jentera penting dalam membantu pemulihan dan pembangunan komuniti Keluarga Malaysia di fasa pasca Pandemik COVID-19.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL SINGH

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN : 14

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah bantuan yang telah disalurkan kepada golongan kaum India di mana kadar kemiskinan semakin meningkat disebabkan penularan wabak COVID-19, pelaksanaan PKP yang begitu lama dan juga tekanan dari badan peminjam tidak berlesen.

JAWAPAN:

Yang Dipertua

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) sedang melaksanakan beberapa program bagi mengurangkan beban masyarakat India B40. Antara bantuan yang telah disalurkan adalah seperti dibawah:

1. **Kotak MITRA 2021**

- a. **Peruntukan sebanyak RM15,167,544.00** untuk pembekalan kotak makanan yang **akan memanfaatkan 90,283** keluarga Masyarakat India B40 yang miskin dan miskin tegar;
- b. **Sejumlah 54,798 kotak makanan** telah diedarkan kepada keluarga Masyarakat India B40 **di ladang, kawasan pinggir bandar dan bandar;**
- c. Agihan kotak MITRA adalah seperti di bawah:

Bil	Kategori	Bil. Ahli	Bil. Kotak
1	Ahli Parlimen	202	62,950
2	Exco MexUnity	16	11,200
5	KRT	10	1,000
6	Ladang	20	2,650
7	Pemimpin Tempatan	14	9,350
8	NGO	20	3,048
9	Lain-lain	85	85
JUMLAH			90,283

2. **Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK)**

- a. Tumpuan di kawasan bandar, luar bandar dan ladang di (9) negeri yang mempunyai kadar kepadatan penduduk Masyarakat India yang tinggi iaitu **Perak, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan, Johor, Pahang, Perlis dan Terengganu;**

b. Merupakan **kerjasama strategik dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta National Union of Plantation Workers (NUPW)** untuk membantu pihak kerajaan **meningkatkan kadar vaksinasi dikalangan Masyarakat India;** dan

c. Pelaksanaan Program MOVAK bagi Masyarakat India adalah seperti berikut:

Negeri	Lokasi	Penerima Vaksin	Dua Dos	Penerima Vaksin Masyarakat India	Dua Dos
Kedah	Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ko Sarangapany	151	302	145	290
Negeri Sembilan	Dewan Orang Ramai Kg India, Port Dickson	270	540	82	164
	Ladang Kok Fah, Jempol	246	492	225	450
	Dewan Taman Siliau Jaya, Port Dickson	264	528	211	422
JUMLAH		931	1862	663	1326

3. Pengebumian Jenazah Masyarakat India B40 COVID 19 di Hospital Kuala Lumpur (PUSARA)

- MITRA telah **memperuntukkan sebanyak RM500,000** untuk membantu masyarakat India B40 menguruskan pengebumian mayat.
- Sehingga kini, sebanyak **RM263,500** telah disalurkan kepada **95 mayat** Masyarakat India B40.

PERKARA	COVID-19	BUKAN COVID-19	JUMLAH
Jumlah Kematian	31	64	95
Peruntukan	RM81,900	RM181,600	RM263,500

- **Peruntukan tambahan sebanyak RM500,000 akan disediakan iaitu RM250,000.00** untuk membayar kos perkhidmatan pengebumian jenazah Masyarakat India B40 **COVID-19** dan **RM250,000.00 bukan COVID-19**.
- **Kos Maksima Pengebumian** yang ditanggung adalah sebanyak **RM3,000.00** bagi setiap jenazah yang dikendalikan secara bergilir oleh **(13) buah syarikat pengebumian** yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian. 13 syarikat tersebut adalah seperti berikut:-
 1. Eden Funeral Services
 2. HFS Heaven Casket Services
 3. Kailasum Shah Alam Casket

4. M.I Casket
5. Norman Funeral Services
6. NS Indian Casket
7. PJ Funeral Services
8. Sai Sivam Casket Services
9. Selayang Indian Casket
10. SG Buloh Casket
11. VJ Funeral Services
12. VR Casket
13. Zen Funeral Services

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL
SINGH**

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN : 25

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah bantuan yang telah disalurkan kepada golongan kaum India di mana kadar kemiskinan semakin meningkat disebabkan penularan wabak COVID-19, pelaksanaan PKP yang begitu lama dan juga tekanan dari badan peminjam tidak berlesen.

JAWAPAN:

Yang Dipertua

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) sedang melaksanakan beberapa program bagi mengurangkan beban masyarakat India B40. Antara bantuan yang telah disalurkan adalah seperti dibawah:

1. Kotak MITRA 2021

- a. **Peruntukan sebanyak RM15,167,544.00** untuk pembekalan kotak makanan yang **akan memanfaatkan 90,283** keluarga Masyarakat India B40 yang miskin dan miskin tegar;
- b. **Sejumlah 54,798 kotak makanan** telah diedarkan kepada keluarga Masyarakat India B40 **di ladang, kawasan pinggir bandar dan bandar;**

2. Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK)

- a. Tumpuan di kawasan bandar, luar bandar dan ladang di (9) negeri yang mempunyai kadar kepadatan penduduk Masyarakat India yang tinggi iaitu **Perak, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan, Johor, Pahang, Perlis dan Terengganu;**
- b. Merupakan **kerjasama strategik dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta National Union of Plantation Workers (NUPW)** untuk membantu pihak kerajaan **meningkatkan kadar vaksinasi dikalangan Masyarakat India;** dan

3. Pengebumian Jenazah Masyarakat India B40 COVID 19 di Hospital Kuala Lumpur (PUSARA)

- MITRA telah **memperuntukkan sebanyak RM500,000** pada tahun 2021 untuk membantu masyarakat India B40 menguruskan pengebumian mayat.

- Sehingga kini, sebanyak **RM263,500** telah disalurkan kepada **95 urusan pengebumian mayat Masyarakat India B40**.

PERKARA	COVID-19	BUKAN COVID-19	JUMLAH
Jumlah Kematian	31	64	95
Peruntukan	RM81,900	RM181,600	RM263,500

- Peruntukan tambahan sebanyak **RM500,000** pada tahun 2021 akan disediakan iaitu **RM250,000.00** untuk membayar kos perkhidmatan pengebumian jenazah Masyarakat India B40 **COVID-19** dan **RM250,000.00** bukan **COVID-19**.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SERUANDI BIN SAAD

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN : 30

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh mana Kerajaan bercadang untuk mengaktifkan peranan Rukun Tetangga dan apakah status kajian kenaikan kadar geran tahunan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) daripada RM6,000 ke RM10,000 yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) sejak tahun 2018.

JAWAPAN:

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah merangka pelbagai inisiatif dan gerak kerja bagi memperkasa dan memperkukuhkan peranan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) yang bertujuan memastikan KRT di seluruh negara dapat menyampaikan perkhidmatan yang berkesan kepada komuniti setempat.
2. **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030** telah dibangunkan bagi tujuan **pemantapan kepimpinan**

komuniti RT serta pengukuhan program dan aktiviti RT untuk meningkatkan keberkesanan program dan aktiviti kepada komuniti.

3. Bagi menterjemahkan pelaksanaan Pelan Pemerkasaan ini melalui aktiviti-aktiviti berimpak tinggi, KPN telah menerbitkan buku **Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga** atau **RT4ALL**.
4. **Empat Gerak Kerja khusus** yang telah dirangka melalui RT4All adalah seperti berikut:
 - a. **Gerak Kerja KRT Sejahtera** – memfokuskan kepada matlamat kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup komuniti termasuk Projek Komuniti Ekonomi RT.
 - b. **Gerak Kerja KRT Selamat** – kerjasama KRT dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) bagi memastikan komuniti bebas daripada jenayah, konflik masyarakat serta bersedia memberi khidmat bantu mula kepada masyarakat sekiranya menghadapi sebarang bencana.
 - c. **Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah** – memfokuskan kepada program pembersihan dan pengindahan kawasan komuniti.
 - d. **Gerak Kerja KRT Sihat** secara kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melibatkan pelaksanaan lapan (8) program di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) iaitu:
 - Advokasi Cegah COVID-19;
 - *PPE for Frontliners* – 400,000 unit PPE telah dihasilkan oleh 115 KRT di seluruh negara;
 - Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN);
 - *Communication for Behavioural Impact* (COMBI);

- Kenali Ubat Anda;
 - Penjagaan Kesihatan Pergigian (Ikon Gigi); dan
 - Program Tunas Doktor Muda;
 - Program Perpaduan dan Keselamatan Makanan (PADUKA)
5. **Bagi Tahun 2021, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta dan Kementerian Perpaduan Negara telah menyalurkan geran tahunan sebanyak RM6,000 kepada 7,385 KRT berstatus aktif di seluruh negara.**
6. Perpaduan Negara telah **memperkenalkan sistem *Star Rating*** sebagai kaedah penilaian keaktifan KRT berdasarkan kriteria:
- a) Pengurusan dan Pentadbiran Rukun Tetangga;
 - b) Pengurusan Kewangan;
 - c) Pengurusan Program; dan
 - d) Pengurusan Sistem Maklumat.
7. Melalui penambahbaikan dan pemerksaan yang telah dan sedang dilaksanakan ini, KRT akan menjadi jentera penting dalam membantu pemulihan dan pembangunan komuniti Keluarga Malaysia di fasa pasca Pandemik COVID-19.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
ARIP [MACHANG]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2020 (SELASA)

SOALAN : 5

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah terdapat sebarang kajian yang membuat penilaian terhadap tahap ketegangan kaum di Malaysia dan apakah keputusan penilaian tersebut.

JAWAPAN

1. Malaysia memerlukan satu model komprehensif untuk mengukur tahap perpaduan dan keharmonian negara.
2. Menyedari pentingnya perkara ini, Kementerian Perpaduan Negara telah melantik pasukan penyelidik dari Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui UKM Pakarunding untuk melaksanakan Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2021 bagi mengukur tahap perpaduan di Malaysia dan dijadikan

sebagai instrumen pengukuran rasmi tahap perpaduan dan keharmonian negara secara berkala dan berterusan.

3. Kajian IPNas 2021 ini adalah penting yang bertindak sebagai instrumen pengukuran rasmi tahap perpaduan dan keharmonian negara. Ia adalah bertepatan dan selari dengan matlamat
 - i. Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 di bawah Teras Strategik 7: iaitu Modal Sosial bertujuan meningkatkan persefahaman dan mewujudkan keharmonian yang berkekalan antara masyarakat berbilang kumpulan etnik dan agama di Malaysia.
 - ii. Dasar Perpaduan Negara (DPN) dalam menetapkan hala tuju perpaduan negara untuk memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.
4. Pengukuran tahap kemakmuran Malaysia di peringkat nasional menggunakan kaedah empirikal dan sistematik bagi memahami dan menjelaskan kedinamikan masyarakat.
5. Kerangka struktur IPNas 2021 adalah berdasarkan kerangka Perpaduan Kefahaman Baharu yang mengandungi tiga komponen penting iaitu **Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan**.
6. Kajian IPNas 2021 ini juga telah mengambil kira amalan yang dilaksanakan di dalam dan luar negara. Kajian perbandingan dan

penandaarasan telah dibuat dengan negara-negara seperti New Zealand, Kanada serta *Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion* di Australia di mana negara-negara ini turut menggunakan konsep asas yang sama iaitu **kesepaduan sosial**.

Objektif Indeks Perpaduan Nasional 2021 (IPNas) 2021

7. Objektif Kajian IPNas 2021 adalah seperti berikut:
 - (i) Mengukur tahap perpaduan dan keharmonian negara untuk menggambarkan keadaan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia bagi tahun 2021 di peringkat nasional dan negeri;
 - (ii) Menghasilkan Laporan Indeks Perpaduan Nasional 2021 yang boleh diguna pakai sebagai ukuran tahap perpaduan untuk tempoh dua tahun (2021 dan 2022); dan
 - (iii) Mencadangkan perancangan program yang lebih mantap.
8. Selain daripada itu, pewujudan IPNas 2021 akan menjadi kayu pengukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program-program yang dilaksanakan.
9. IPNas 2021 juga akan dapat memberikan gambaran *trend* hubungan etnik, keharmonian dan kesepaduan sosial di Malaysia

untuk pemerhati dan pelabur asing yang berminat membuat pelaburan di Malaysia.

10. Kajian ini dijadualkan selesai pada Jun 2022.

JUMLAH			RM8,663,619.80

Jumlah keseluruhan program MITRA JPM pada tahun 2020 ialah sebanyak 62 program.

MITRA di KPN (April hingga Disember 2020)

**Program dibawah Teras Modal Insan
(14 buah program)**

BIL	ORGANISASI	PROGRAM	PERUNTUKAN
1	GERMAN MOTORS	KURSUS MENYELENGGARA & MEMPERBAIKI KERETA	RM623,020.10
2	KOPERASI PENDIDIKAN ASAS SELANGOR	PROFESIONAL CERTIFICATE IN TOUR & TRAVEL	RM392,910.00
3	KURUP HR CONSULT HOLDINGS SDN BHD	PROGRAM SIJIL PRAKTIKAL BAGI SUMBER MANUSIA DAN HUBUNGAN INDUSTRI	RM98,480.00
4	MALAYSIAN ALLIED HEALTH SCIENCE ACADEMY SDN BHD	PROGRAM SIJIL EKSEKUTIF PEMBANTU PENJAGAAN KESIHATAN	RM831,081.40
5	MALAYSIAN INTELLECT DEVELOPMENT FOUNDATION	TAMIL SCHOOLS POST COVID-19 ASSISTANCE (TAS-COVID ASSIST)	RM3,520,395.00
6	MIED CORPORATE ACCOUNT	EXECUTIVE CERTIFICATE IN E- COMMERCE	RM354,042.90
7	PERSATUAN HOSPITALITI MALAYSIA(MALAYSIAN HOSPITALITY ASSOCIATION	TAMIL SCHOOLS LEARNING ACTIVITIES (TASLA) MALAYSIA	RM1,635,000.00

BIL	ORGANISASI	PROGRAM	PERUNTUKAN
8	PERSATUAN MEMPERKASAKAN USAHAWAN NASIONAL	PROFESIONAL CERT IN MOBILE PHONE AND CCTV TECH	RM301,140.00
9	PERTUBUHAN IMPACT MALAYSIA	PROGRAM BIJAK WANG SJKT TERPILIH DI NEGERI SELANGOR, PERAK, NEGERI SEMBILAN & WPKL	RM842,700.00
10	PERTUBUHAN INOVASI PENDIDIKAN	PROGRAM PEMERKASAAN AKADEMIK SATRIA MALAYSIA 2020	RM410,160.00
11	PERTUBUHAN PSIKOLOGI SEKOLAH MALAYSIA	PROGRAM INTERVENSI MASALAH PEMBELAJARAN DI KALANGAN MURID- MURID SJKT	RM605,560.00
12	SAI ANANDHA FOUNDATION	PROGRAM BANTUAN PENDIDIKAN IPTA PERINGKAT KEBANGSAAN	RM749,000.00
13	YAYASAN STRATEGIK SOSIAL	PROGRAM TURIYA	RM9,154,408.00
14	YAYASAN PEMBANGUNAN BELIA INDIA MALAYSIA	PROGRAM 1FORCE AGAINST CRIME	RM3,079,760.00
JUMLAH			RM22,597,657.40

**Program dibawah Teras Keusahawanan dan Kerjaya
(21 buah program)**

BIL	ORGANISASI	PROGRAM	PERUNTUKAN
1	CHA ACADEMY SDN.BHD.	WELDING 4.0 3G SMAW	RM598,137.40
2	PERTUBUHAN PERGERAKAN PEMBANGUNAN USAHAWAN MUDA	MALAYSIAN AQUACULTURE ENTREPRENEURSHIP PROGRAMME (MACEP-2020)	RM2,143,200.00
3	BINASKIL ACADEMY PLT	ROAD TO GMP CERTIFICATION PROGRAM - USAHAWAN MITRA	RM450,000.00
4	CS PHOTOGRAPHY	PHOTOGRAPHY MASTERCLASS: A COMPLETE GUIDE TO PHOTOGRAPHY BASICS & BEYOND	RM354,533.40
5	DREAMEDGE SDN BHD	ROBOSTEM MITRA: PENGENALAN KEPADA PENGATURCARAAN ROBOT KEPADA REMAJA	RM974,000.00
6	FAMOX PLANTATION (M) SDN BHD	PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT INDIA B40 DI MALAYSIA MELALUI BIDANG PERTANIAN	RM1,206,030.00
7	INDAH ATELIER SDN. BHD.	PROGRAM PEMANTAPAN KERJAYA ARTISAN BATIK	RM867,060.00
8	INSTITUT MEGAJAYA SDN. BHD.	KURSUS KESELAMATAN ELEKTRONIK	RM435,700.00

BIL	ORGANISASI	PROGRAM	PERUNTUKAN
9	KNOWLEDGECOMCORPORATION SDN. BHD.	PROGRAM CERTIFIED ARTIFICIAL INTELLIGENCE PRACTITIONER	RM401,400.00
10	NK DIGITAL MEDIA	KURSUS PEMASARAN DIGITAL	RM287,847.20
11	PERAK HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT CENTRE	PROGRAM LATIHAN CSWIP VISUAL WELDING INSPECTION	RM880,000.00
12	PERSATUAN GRADUAN INDIA JOHOR	CERTIFICATE IN LOGISTICS AND SHIPPING MANAGEMENT	RM447,750.00
13	PERSATUAN PEMANGKIN USAHAWAN SOSIAL	PROGRAM SOCIAL ENTREPRENEURSHIP BOOTCAMP	RM641,800.00
14	PERSATUAN PEMBANGUNAN DEMI RAKYAT	E-DAGANG – PERMULAAN INDUSTRI BARU DI MALAYSIA	RM219,090.00
15	PERSATUAN WANITA BERJAYA SEJATI MALAYSIA	PROGRAM PEMERKASAAN WANITA INDIA	RM1,134,000.00
16	PERSTUAN PENGUSAHA LOGISTIK DAN PELBAGAI	PROGRAM ENTRPRENURSHIP IN SAFETY AND MOBILE SANITIZING OPERATIONS	RM534,972.00
17	SKILLS ASIA INTERNATIONAL SDN. BHD.	PROGRAM PEMANTAPAN KEBOLEHPEKERJAAN MASYARAKAT INDIA - PROFESSIONAL BOILER OPERATION & MAINTENANCE (FOUNDATION)	RM505,000.00

BIL	ORGANISASI	PROGRAM	PERUNTUKAN
18	U2K TEAM TECHNOLOGIES SDN BHD	AMAZON WEB SERVICES (AWS) CLOUD COMPUTING TALENT CAPACITY BUILDING PLAN FOR UNEMPLOYED IT GRADUATES	RM356,975.00
19	UNITAR INTERNATIONAL ACADEMY SDN.BHD.	PROGRAM PROFESSIONAL CERTIFICATE IN BUSINESS ANALYTICS	RM763,308.00
20	UPM CONSULTANCY & SERVICES SDN.BHD.	PROGRAM PEMBANGUNAN AGROPRENEUR "CONNECTING AGRI NEEDS (CAN)"	RM474,224.70
21	YAYASAN SOSIAL WANITA MALAYSIA	PROGRAM GUBAHAN BUNGA PERKAHWINAN SECARA PROFESSIONAL DAN WEDDING DECO (ADVANCE)	RM470,400.00
JUMLAH			RM14,145,427.70

**Program dibawah Teras Kesejahteraan Sosial
(22 buah program)**

BIL	ORGANISASI	PROGRAM	PERUNTUKAN
1	KUIL SRI PANCHARMOORTHY KRISHNAN, TG MALIM.PERAK	MENJALANKAN KERJA BAIK PULIH RUMAH IBADAT	RM10,000.00
2	KUIL SRI SUBRAMANIYAR ALAYAM, PANTAI REMIS, PERAK	BANTUAN KEWANGAN UNTUK MENJALANKAN – KERJA BAIK PULIH RUMAH IBADAT	RM166,500.00

BIL	ORGANISASI	PROGRAM	PERUNTUKAN
3	MALAYSIA HINDU SANGAM	PROGRAM BANTUAN KEWANGAN KHAS MITRA KEPADA RUMAH IBADAT HINDU (MHS)	RM4,243,200.00
4	PERSATUAN PENGANUT DEWA SRI MAHA MATHURAI VEERAN SRI MAHA KAALIYAMMAN ALAYAM SAGIL ,TANGKAK, JOHOR	RAYUAN PERMOHONAN GERAN KEWANGAN BAGI MEMBAIKPULIH KUIL SRI MAHA MATHURAI VEERAN SRI MAHA KAALIYAMMAN, SAGIL, TANGKAK, JOHOR	RM200,000.00
5	PERSATUAN PENGANUT DEWI SRI MAHA MARIAMAN BAHAGIAN MAWAI (TAI-TAK)	BANTUAN KEWANGAN UNTUK MENJALANKAN – KERJA BAIK PULIH RUMAH IBADAT	RM130,000.00
6	PERSATUAN PENGANUT RUMAH BERHALA SRI MAHA MARIAMMAN	MEMBAIKPULIH KUIL SRI MAHA MARIAMMAN, FELDA BUKIT ROKAN, GEMENCHEH, NEGERI SEMBILAN	RM225,564.00
7	PERTUBUHAN PENGANUT DEWA SRI MAHA KARUMARIAMMAN LADANG LGM JALAN MAWAI KOTA TINGGI JOHOR	BANTUAN KEWANGAN UNTUK MENJALANKAN – KERJA BAIK PULIH RUMAH IBADAT	RM260,000.00
8	PERTUBUHAN PENGANUT DEWI SRI KARUMARIAMMAN LADANG TELUK	BANTUAN KEWANGAN UNTUK MENJALANKAN – KERJA BAIK PULIH RUMAH IBADAT	RM100,000.00

BIL	ORGANISASI	PROGRAM	PERUNTUKAN
	SENGAT, KOTA TINGGI, JOHOR		
9	PIBG SJK (T) LADANG PASAK	MENAIK TARAF DAN MEMBAIKPULIH PREMIS SJK (T) LADANG PASAK	RM180,000.00
10	PERSATUAN PENGANUT SRI BALA PEEDAM MALAYSIA	MENAIK TARAF DAN MEMBAIK PULIH PREMIS 5 PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK	RM1,000,000.00
11	PERTUBUHAN PENGANUT-PENGANUT DEWA SRI SUBRAMANIAN, LANGKAP, PERAK	MEMBAIKPULIH KUIL ARULMIGU SRI SUBRAMANIAN LANGKAP, PERAK	RM105,000.00
12	PULAPOL	PROJEK MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA SEBUAH RUMAH IBADAT DI PULAPOL, KL	RM333,560.00
13	YAYASAN SIKH MALAYSIA	PROGRAM SEHAJ – KE ARAH KOMUNITI MAJU DAN SIHAT	RM852,160.00
14	1) EVEREST LOGISTICS - RM 127,830 + RM99,930.00 2) JAY DARSHAN - RM 3,732,636 + RM 149,895.00	PROGRAM BANTUAN MAKANAN MITRA	RM4,110,291.00
15	GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN SAHABAT SEMALAYSIA	KEPIMPINAN MAMPAN MENGUKUH INTEGRASI NASIONAL	RM492,346.34

BIL	ORGANISASI	PROGRAM	PERUNTUKAN
16	JOGOHEALTH STROKE & PHYSIOTHERAPY CENTRE SDN BHD	PROGRAM RAWATAN STROK	RM338,100.00
17	KLC MARKETING & SALES	PROGRAM BANTUAN MAKANAN MITRA	RM1,910,334.00
18	KOPERASI PENTERNAK DAN AGRO SELANGOR BERHAD	PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN BIDANG TERNAKAN RUMINAN 2020	RM793,892.60
19	PERSATUAN SIRUTHONDA NAYANAAR	D'BEAT 2020 - DIABETES BEAT AFFORDABLE MANAGEMENT OF TYPE 2 DIABETES COMPLICATIONS	RM1,231,209.50
20	PERTUBUHAN INTEGRASI NASIONAL	PROGRAM MEMPERKASAKAN KELUARGA	RM1,256,500.00
21	PERTUBUHAN KEBAJIKAN PENGGERAK ANAK (MYR)	TAMIL SCHOOLS KINDERGARTEN ASSISTANCE (TAS- KINDER ASSIST)	RM817,500.00
22	TERNAKAN KAMRAN SDN BHD	PROGRAM PENINGKATAN KAPASITI DAN PENDAPATAN PENGUSAHA- PENGUSAHA LEMBU TENUSU KAUM INDIA	RM5,199,600.00
JUMLAH			RM23,955,757.44

Jumlah keseluruhan program MITRA KPN pada tahun 2020 ialah sebanyak 57 program.

8. Bagi Tahun **2021**, sehingga **30 Ogos 2021**, sebanyak **13** program telah diluluskan Geran Kewangan MITRA seperti jadual dibawah:

**Program dibawah Teras Modal Insan
(4 buah program)**

Bil	ORGANISASI	PROGRAM	PERUNTUKAN
1	PERSATUAN INDIA KOTA TINGGI JOHOR	PROGRAM KELAS ROBOTIK GOLONGAN B40 & M40	RM60,069.60
2	SJKT TANJONG RAMBUTAN	ROBOTIK MERANCAKKAN MURID B40	RM55,998.00
3	USM	RANGKA MALAYSIAN INDIAN BLUEPRINT	RM400,000.00
4	PERSATUAN PENGANUT AGAMA HINDU SAMAYAM, SEGAMAT, JOHOR	KELAS PERCUMA SPM ULANGAN DAN CALON PERSENDIRIAN ATAS TALIAN BAGI MASYARAKAT INDIA B40 SELURUH MALAYSIA	RM150,417.00
JUMLAH			RM666,484.60

**Program dibawah Teras Keusahawanan dan Kerjaya
(4 buah program)**

Bil	ORGANISASI	PROGRAM	PERUNTUKAN
1	PERSATUAN KEBAJIKAN DAN SOSIAL MASYARAKAT INDIA BAGAN DATOH, PERAK	QUEENPRENUERS BAKERS	RM295,380.00
2	PERSATUAN PEMANGKIN USAHAWAN SOSIAL	FELO SOSIAL DIGITAL 2021	RM297,000.00
3	YAYASAN SOSIAL WANITA MALAYSIA	PROGRAM GUBAHAN BUNGA P& HIASAN PERKAHWINAN	RM299,880.00
4	PERTUBUHAN KEBAJIKAN SILATURAHIM MASYARAKAT KOTA TINGGI, JOHOR	CERTIFICATE IN HOSPITAL CLEANING	RM273,000.00
JUMLAH			RM1,165,260.00

**Program dibawah Teras Kesejahteraan Sosial
(5 buah program)**

Bil	ORGANISASI	PROGRAM	PERUNTUKAN
1	AMMA PRODUCTION SDN BHD	PROGRAM PEMBANGUNAN KERJAYA TEKNIK SULAMAN AARI	RM194,940.00
2	HYBRID CAREER CONSULTANT PLT	MEMPERKASAKAN WANITA MELALUI "SMART MONEY MANAGEMENT"	RM146,275.20
3	I) TR CONSOLIDATED II) LINE CLEAR EXPRESS& LOGISTICS SDN. BHD. III) SUNRISE BAYUMAS SDN. BHD.	PROGRAM BANTUAN MITRA 2021/ KOTAK MITRA 2021	RM15,167,544.00
4	SYARIKAT- SYARIKAT YANG MENGENDALIKAN URUSAN JENAZAH	PROGRAM MEMBANTU MENGURUSKAN JENAZAH SELAIN ISLAM DI HOSPITAL KUALA LUMPUR (HKL)	RM498,000.00
5	YAYASAN KEMAJUAN INDIA WILAYAH PERSEKUTUAN	PROGRAM MOBILISASI VAKSIN KOMUNITI (MOVAK)	RM4,413,448.00
JUMLAH			RM20,420,207.20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU (BATU GAJAH)**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN : 31

YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan secara terperinci mengenai Projek Lembu Tenusu MITRA yang telah dilancarkan pada tahun ini. Senaraikan nama peserta-peserta yang terlibat mengikut negeri dan syarikat mana yang dipertanggungjawabkan untuk membeli lembu tenusu kacukan Fresian bunting dari Australia dan bagaimanakan cara pengagihan kepada peserta dilakukan.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memulakan siasatan ke atas program-program yang telah diluluskan di bawah MITRA bagi tahun 2019 hingga April 2020 (iaitu ketika MITRA di bawah Jabatan Perdana Menteri) hingga tahun 2021 (iaitu Ketika MITRA di bawah Kementerian Pkrapaduan Negara) dan Projek Ternakan Lembu Tenusu juga termasuk dalam program yang sedang disiasat.

Sehubungan itu, saya tidak akan menjawab soalan Batu Gajah ini kerana dikhuatiri akan mengganggu siasatan yang sedang dibuat oleh pihak SPRM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN : 37

YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah mekanisme penyaluran dana MITRA kepada NGO, apakah ukuran KPI projek tersebut dan bagaimana MITRA dapat memastikan dana ini tidak disalurkan kepada parti politik di masa kini dan masa hadapan.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. **Kerajaan telah memperuntukkan geran berjumlah RM100 juta setahun** bagi pelaksanaan program-program peningkatan sosioekonomi dan taraf hidup masyarakat India terutamanya golongan B40 di bawah **Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (PPSMI)**.

2. Pelaksanaan PPSMI meliputi 3 kluster program seperti berikut:

- a) **Program Pembangunan Modal Insan;**
- b) **Program Pembangunan Keusahawanan dan Kerjaya; dan**
- c) **Program Pembangunan Sosial dan Kebajikan, Kerohanian dan Kesejahteraan.**

3. Setelah pentadbiran MITRA diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN), tindakan **penambahbaikan terhadap prosedur pemberian geran peruntukan MITRA telah dilaksanakan sebagaimana berikut:**

- a) Penyediaan **Garis Panduan Pengurusan Geran Kewangan MITRA** yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); dan
- b) Penubuhan **2 buah jawatankuasa iaitu: (ini kena masukkan jawatankuasa penilaian dan jawatankuasa pemantauan – semak peranan dua2 jawatankuasa**
 - i. **Jawatankuasa Tapisan MITRA – ini mmg dah sedia ada sejak dr JPM?**
 - Dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MITRA
 - Bertanggungjawab untuk menilai permohonan-permohonan yang diterima dan mengemukakan

perakuan berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Geran Kewangan MITRA.

- Melaksanakan pemantauan ke atas pelaksanaan program-program yang telah diluluskan.

ii. **Jawatankuasa Penilaian Program MITRA**

- Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPN.
- Bertanggungjawab untuk mempertimbang dan memutuskan perakuan oleh Jawatankuasa Tapisan MITRA.

4. Kelulusan geran kewangan diberikan kepada permohonan yang menepati Garis Panduan Pengurusan Geran Kewangan MITRA tanpa mengambil kira latar belakang parti politik atau Badan Bukan Kerajaan (NGO).

5. Manakala bagi tujuan **pengukuran pencapaian KPI bagi setiap program yang telah diluluskan**, penerima geran kewangan dikehendaki untuk mengemukakan: - jkuasa pemantauan

Masukkan- kita akan buat penambahbaikan kepada prosedur sekiranya siasata SPRM dapat mengenalpasti kelompongan proses dan prosedur pemberian dan pemantauan geran

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS
PENGAL YANG KEEMPAT, MESYUARAT KEDUA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN : 42

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan strategi Kerajaan bagi membangunkan masyarakat madani yang memiliki semangat kerohanian yang baik dan melahirkan masyarakat yang memiliki toleransi tinggi sekaligus dapat menjamin keharmonian sejagat.

JAWAPAN:

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah melancarkan **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** yang merupakan **dasar payung negara dalam memupuk, mengukuh, serta memelihara perpaduan di kalangan rakyat melalui tiga (3) teras utama** iaitu:
 - a) Patriotisme dan demokrasi;
 - b) Identiti nasional; dan
 - c) ekosistem perpaduan negara.

2. **Strategi-strategi dasar ini disokong oleh Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030** yang menggariskan anjakan strategik bagi memacu pelaksanaan strategi dan mencapai objektif DPN seperti berikut:
 - a) **mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional** berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara;
 - b) **membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling menghormati dan bertanggungjawab**; dan
 - c) **melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.**
3. Bagi memastikan perancangan strategik dan pelaksanaan inisiatif perpaduan negara yang bersepadu dan menyeluruh, Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan pelan-pelan tindakan yang mencakupi kesemua lapisan masyarakat sebagaimana berikut:
 - a. **Kanak-kanak pra-sekolah, murid sekolah dan pelajar institut pengajian tinggi**
 - i. **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** - menggariskan inisiatif **pemantapan Tabika Perpaduan dari aspek pengajaran dan pembelajaran**

(PdP), kepakaran tenaga pengajar dan tadbir urus Tabika Perpaduan.

- ii. Penghayatan **Pendidikan Rukun Negara** dengan pemantapan **Modul Pengurusan dan Program memperkasakan Kelab Rukun Negara (KRN)** di peringkat sekolah dan **Sekretariat Rukun Negara (SRN)** di peringkat universiti.

b. Komuniti Setempat

Dalam usaha memperkukuhkan peranan Komuniti Rukun Tetangga (KRT), **KPN telah menghasilkan Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030** dan **Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga @ RT4ALL** sebagai panduan kepada penambahbaikan pentadbiran dan pelaksanaan gerak kerja oleh KRT.

c. Masyarakat umum

Kementerian Perpaduan Negara mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam melaksanakan inisiatif pengukuhan perpaduan.

Sehubungan itu, **Kementerian Perpaduan Negara sedang memuktamadkan Pelan Pemerkasaan NGO Perpaduan (*Friends of Unity*)** sebagai panduan kepada NGO selaku rakan

kongsi strategik kementerian dalam usaha mempertingkatkan inisiatif perpaduan dalam komuniti.

4. KPN juga akan melancarkan pelan tindakan berikut sebagai asas dan panduan pelaksanaan inisiatif perpaduan Keluarga Malaysia:

a. **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** - merupakan pelan tindakan Kementerian yang bersifat spesifik, inklusif dan holistik dalam mengukuhkan perpaduan; dan

b. **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia** – memfokuskan kepada prinsip dan pendekatan dalam usaha ke arah pembinaan masyarakat yang harmoni dan sejahtera, sebagai satu Keluarga Malaysia yang bersatu padu dan bertoleransi berteraskan 4 rukun KAMI iaitu:

i. **KARIB** - meningkatkan penglibatan peranan keluarga serta institusi pendidikan bagi membina keakraban dalam perpaduan;

ii. **AKSESIBILITI** - meningkatkan dan menaik taraf kemudahan sosial awam di KRT bagi memperkasa pelaksanaan program-program perpaduan di KRT;

iii. **MAJMUK** - memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang kepelbagaian bahasa, semangat patriotisma dan kenegaraan serta meningkatkan pemahaman kepelbagaian agama kepada masyarakat; dan

- iv. **INKLUSIVITI** - pelaksanaan aktiviti sukan di antara kaum yang akan **mewujudkan sikap terbuka, altruisme, dan penerimaan budaya serta kepelbagaian etnik.**

MAKLUMAT TAMBAHAN

PELAN TINDAKAN KAMI@PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA- KARIB

BIL	KEBERHASILAN	STRATEGI	PROGRAM
	<p>1. Pembentukan merakyatkan perpaduan melalui empat agen utama iaitu keluarga, rakan sebaya, institusi pendidikan dan media massa.</p> <p>2. Meningkatkan pengetahuan berkaitan asas kebudayaan, bahasa dan adat resam pelbagai etnik.</p> <p>3. Melengkapkan individu dengan memenuhi keperluan hidup melalui ilmu</p>	<p>Memperkasakan kefahaman tentang perpaduan di semua lapisan masyarakat melalui proses sosialisasi</p>	<p>4. Program Keibubapaan dan Kekeluargaan.</p> <p>5. Program Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara.</p> <p>6. Pendidikan Sivik Tabika Perpaduan.</p> <p>7. Penciptaan dan Penyiaran Lagu Patriotik.</p> <p>8. Rakan Perpaduan.</p> <p>9. Animasi Perpaduan.</p>

BIL	KEBERHASILAN	STRATEGI	PROGRAM
	pengetahuan dan proses sosialisasi		10. Kempen Merakyatkan Perpaduan. 11. Program Budaya Kita.

**PELAN TINDAKAN KAMI@PELAN PERPADUAN KELUARGA
MALAYSIA- AKSESIBILITI**

BIL	KEBERHASILAN	STRATEGI	PROGRAM
	<p>1. Meningkatkan kualiti penyampaian dan perkhidmatan kepada masyarakat.</p> <p>2. Mengoptimumkan penggunaan fasiliti yang ada.</p> <p>3. Meningkatkan kebolehcapaian maklumat mengenai perpaduan menerusi pelbagai platform media</p>	Menyediakan aksesibiliti perpaduan pelbagai etnik di Malaysia.	<p>1. Pertandingan Mempromosikan Perpaduan.</p> <p>2. Iklan Perpaduan.</p> <p>3. Inisiatif Industri Penerbitan dan Penyiaran.</p> <p>4. Influencer Perpaduan.</p> <p>5. Ikon Perpaduan Negara.</p> <p>6. Projek Naik Taraf dan Selenggara Fasiliti.</p>

BIL	KEBERHASILAN	STRATEGI	PROGRAM
			<p>7. Pendigitalan Sistem Penyampaian.</p> <p>8. Skwad Keluarga Malaysia.</p> <p>9. Kursus Mediasi Komuniti.</p> <p>10. Program Latihan Industri Perpaduan.</p>

PELAN TINDAKAN KAMI@PELAN PERPADUAN KELUARGA
MALAYSIA- MAJMUK

BIL	KEBERHASILAN	STRATEGI	PROGRAM
	<p>1. Meningkatkan kepercayaan dan amalan menerusi penganjuran pelbagai aktiviti kebudayaan, program dan tayangan dokumentari.</p> <p>2. Meningkatkan semangat toleransi untuk merapatkan jurang antara etnik.</p> <p>3. Meningkatkan kebolehcapaian maklumat mengenai perpaduan menerusi pelbagai platform media</p>	<p>Memajmukkan perpaduan.</p>	<p>1. Program Pemartabatan Bahasa Kebangsaan.</p> <p>2. Program Pemantapan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan.</p> <p>3. Program Keharmonian Antara Penganut Agama.</p>

PELAN TINDAKAN KAMI@PELAN PERPADUAN KELUARGA
MALAYSIA- INKLUSIVITI

BIL	KEBERHASILAN	STRATEGI	PROGRAM
	<p>1. Meningkatkan keterlibatan setiap lapisan masyarakat menerusi aktiviti merakyatkan perpaduan.</p> <p>2. Membentuk identiti nasional dengan semangat kekitaan, prihatin, inklusif, saling hormat dan bertanggungjawab.</p>	<p>Membudayakan inklusiviti dalam merakyatkan perpaduan.</p>	<p>1. Sukan Tradisional KAMI@Keluarga Malaysia Peringkat Negeri.</p> <p>2. Kebun KAMI@Keluarga Malaysia.</p> <p>3. Dapur KAMI@Keluarga Malaysia.</p> <p>4. Cafe Unity.</p> <p>5. Seni Mural Jalanan KAMI@Keluarga Malaysia.</p> <p>6. Sambutan Perayaan Utama.</p> <p>7. Tabikarama Keluarga Malaysia.</p>

BIL	KEBERHASILAN	STRATEGI	PROGRAM
			<p>8. Program #KamiSama Keluarga Malaysia.</p> <p>9. Program Ziarah Perpaduan</p>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG (BUKIT MERTA JAM)

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN : 14

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi mengukuhkan semangat 'Keluarga Malaysia' memandangkan beberapa kes baru-baru ini yang melibatkan elemen perkauman (seperti kenyataan terhadap pemain badminton negara, Kisona Selvaduray).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tiga (3) kata kunci dalam Keluarga Malaysia iaitu **Keterangkuman**, **Kebersamaan** dan **Kesyukuran** harus dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan yang merentasi batas etnik, kaum dan agama. Semua pihak perlu mengelak daripada menggunakan kata-kata yang boleh mengguris hati dan perasaan kaum-kaum lain demi menjaga perpaduan dan keharmonian Keluarga Malaysia.

2. Aspirasi Keluarga Malaysia dilihat selari dan bertepatan dengan **Dasar Perpaduan Negara** yang telah dilancarkan oleh Kementerian ini pada 15 Februari 2021 yang lalu dengan menekankan amalan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat seluruh keluarga Malaysia.
3. Selain daripada Dasar Perpaduan Negara yang merupakan dasar payung kepada agenda perpaduan nasional, **Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030** juga perlu dilihat bersama bagi menjelaskan lagi langkah-langkah strategik yang perlu diambil agar ia dapat menghasilkan impak secara langsung kepada rakyat.
4. Selain daripada dua dokumen dasar tersebut, Kementerian Perpaduan Negara juga telah melancarkan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030** dan **KAMI@Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia** yang merentasi Kementerian/agensi, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan swasta bagi mencapai agenda perpaduan nasional seiring dengan semangat Keluarga Malaysia.
5. Bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan pula, undang-undang sedia ada yang terpakai jelas menetapkan mana-mana pihak dengan sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan berbentuk provokasi yang menggugat perpaduan dan keharmonian rakyat boleh disiasat dan didakwa di bawah akta-akta berikut:
 - (a) subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;

- (b) seksyen 504 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
 - (c) seksyen 505 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;
 - (d) seksyen 506 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah; dan
 - (e) seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.
6. Justeru, Kementerian ini berpendapat kesemua inisiatif yang dilaksana serta undang-undang sedia ada adalah selari dengan konsep Keluarga Malaysia dan mampu menangani masalah perkauman di dalam negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN : 40

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan keberkesanan dasar, pendidikan dan tindakan undang-undang sedia ada untuk menangani masalah perkauman di dalam negara.

JAWAPAN:

1. Sejak penubuhan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada 10 Mac 2020, beberapa dasar dan pelan tindakan telah digubal oleh Kementerian bagi mengukuhkan perpaduan seperti berikut:
 - i. **Dasar Perpaduan Negara** yang merupakan **dokumen dasar pertama Kerajaan** yang khusus bagi memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep “Perpaduan Dalam Kepelbagaian”.

- ii. **Tiga (3) teras utama** Dasar Perpaduan Negara:
 - a. Patriotisme dan demokrasi;
 - b. Identiti nasional; dan
 - c. Ekosistem perpaduan.

- iii. Dasar ini disokong oleh:
 - a. Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030;
 - b. Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030; dan
 - c. KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia.

- 3. Bagi memastikan nilai-nilai perpaduan dapat diterapkan sejak dari seawal usia kakak-kanak, **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** telah dihasilkan yang antaranya memperkenalkan inisiatif berikut:
 - i. Modul Pendidikan Penghayatan Rukun Negara;
 - ii. Modul Komunikasi Asas Bahasa Ketiga; dan
 - iii. Modul Kemahiran Jom Urus Diri.

- 4. Pemantapan **Modul Pengurusan dan Program Kelab Rukun Negara (KRN)** dan **Sekretariat Rukun Negara (SRN)** dilaksanakan bagi meningkatkan penghayatan Rukun Negara di peringkat sekolah dan universiti.

5. Kementerian juga telah **memantapkan sistem tadbir urus perpaduan** dengan pembentukan struktur di setiap peringkat bagi memastikan agenda perpaduan dilaksanakan hingga ke peringkat akar umbi:
- i. Majlis Penasihat Perpaduan Negara (**MPPN**);
 - ii. Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Menteri Perpaduan Negeri Sabah dan Sarawak (**MExUnity**);
 - iii. Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri (**PADUNEGERI**);
dan
 - iv. Jawatankuasa Permuafakatan Komuniti.
6. Bagi tujuan penguatkuasaan, **undang-undang sedia ada yang terpakai jelas menetapkan** mana-mana pihak dengan sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan berbentuk provokasi yang menggugat perpaduan dan keharmonian rakyat boleh disiasat dan didakwa di bawah akta-akta berikut:
- a) Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;
 - b) Seksyen 504 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
 - c) Seksyen 505 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;

- d) Seksyen 506 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah; dan
 - e) Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.
7. Bagi mengukur tahap perpaduan dan keharmonian antara etnik yang akan menggambarkan keadaan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia bagi tahun 2021 di peringkat nasional dan negeri, Kementerian Perpaduan Negara telah melantik pasukan penyelidik dari Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui UKM Pakarunding untuk **melaksanakan Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2021**. IPNAS juga bertujuan untuk:
- i. Menjadi **kayu pengukur terhadap keberkesanan** pelaksanaan inisiatif dan program-program yang dilaksanakan.
 - ii. Menghasilkan Laporan Indeks Perpaduan Nasional 2021 yang boleh diguna pakai sebagai ukuran tahap perpaduan untuk tempoh dua tahun (2021 dan 2022).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU (BATU GAJAH)**

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN : 40

YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sasaran Kerajaan bagi ekuiti kaum India dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Apakah tindakan-tindakan atau program-program yang akan dilaksanakan secara spesifik untuk merealisasikan hasrat itu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. MITRA di bawah seliaan Kementerian Perpaduan Negara adalah berfokuskan kepada peningkatan sosioekonomi masyarakat India golongan B40. Bagi memastikan MITRA dapat melaksanakan peranan bagi mencapai matlamat *Malaysia Indian Blueprint (MIB)*, Kementerian Perpaduan Negara sedang membangunkan **Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI)**.

2. Pelan ini bertujuan untuk **menyediakan panduan pelaksanaan bagi program pembangunan sosioekonomi masyarakat India di bawah tanggungjawab MITRA.**
3. Melalui pelan ini, **lima (5) Tunjang** dibangunkan secara menyeluruh untuk melaksanakan program tindakan dan aktiviti mengikut jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang menjelaskan indikator dan sasaran yang ingin dicapai.
4. **Lima (5) Tunjang** tersebut adalah:
 - a. **Memperkasakan Keperluan Asas** yang merangkumi membasmi kemiskinan, perumahan, kestabilan keluarga.
 - b. **Meningkatkan Kemenjadian Setiap Kanak-Kanak** merangkumi pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan rendah SJKT, Sekolah Kebangsaan, pendidikan menengah, pendidikan tinggi dan golongan belia.
 - c. **Menaiktaraf Ekonomi & Keusahawanan** merangkumi kemahiran professional, keusahawanan, peningkatan kekayaan.
 - d. **Memperkasakan Keterangkuman Sosial** merangkumi dokumentasi & kewarganegaraan, isu keagamaan & kuil, sumbangan social kuil, dewan orang ramai, kakitangan awam, bebas jenayah dan memperbaiki persepsi; dan

e. Memperkasakan Wanita Ke Arah Kesaksamaan Gender dengan meningkatkan akses, penyaluran maklumat, kesejahteraan wanita dan wanita terpinggir.

5. Beberapa strategi Jangka Pendek, Jangka Sederhana dan Jangka Panjang telah digariskan dalam Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI) untuk mengalakkan dan seterusnya meningkatkan kadar penyertaan masyarakat India dalam pemilikan ekuiti. Antara strategi-strategi tersebut adalah seperti dibawah:

a. Penubuhan '*ecosystem builders*' di mana para usahawan muda boleh diterapkan di bawah seorang usahawan berjaya dalam satu komuniti yang tertentu;

b. Peningkatan program Latihan '*skill-based approach*' kepada usahawan India untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran menyeluruh dalam mengembangkan perniagaan mereka;

c. Memperkasakan jerayawara dan kempen *outreach* untuk kemahiran semula (*reskilling*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*); dan

d. Meningkatkan bilangan yang berdaftar dalam Program 'Kemahiran Digital Pekerjaan Masa Depan'.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
(KOTA SAMARAHAN)**

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN : 13

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan tindakan konklusif yang dirancang, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk terus mengukuhkan perpaduan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perpaduan Negara akan terus memberikan tumpuan kepada agenda penyatupaduan masyarakat untuk mengukuhkan perpaduan negara selari dengan Aspirasi Keluarga Malaysia.

1. Sebagai langkah strategik, Kementerian telah menghasilkan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** yang merupakan **pelan induk** kepada pelaksanaan program penyatupaduan Keluarga Malaysia.

2. Pelan ini **menggariskan inisiatif dan program** yang melibatkan kementerian dan agensi-agensi Kerajaan, badan bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta, sama ada sebagai agensi peneraju mahupun agensi pelaksana.
3. Ia dibangunkan berdasarkan lima (5) Teras strategik iaitu:
 - i. **Teras 1: Memelihara Sistem Demokrasi dan Raja Berpelembagaan.**
 - ii. **Teras 2: Membentuk Masyarakat yang Menghargai dan Mengamalkan Perpaduan.**
 - iii. **Teras 3: Memperkasakan Sosio-Ekonomi yang Adil dan Saksama.**
 - iv. **Teras 4: menjamin Keterbukaan dan Toleransi Terhadap Perbezaan Agama dan Tradisi Kebudayaan.**
 - v. **Teras 5: Membina Masyarakat Progresif Melalui Sains, Teknologi dan Inovasi.**
4. Berdasarkan pelan induk tersebut, Kementerian Perpaduan Negara juga menghasilkan **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia** yang memfokuskan kepada inisiatif dan program di bawah Kementerian Perpaduan Negara.

5. Pelan ini menekankan kepada **empat (4) dimensi** seperti berikut:
 - i. **KARIB** - bagi meningkatkan keakraban dan perpaduan di kalangan Keluarga Malaysia.
 - ii. **AKSESIBILITI** – bagi meningkatkan kebolehcapaian kepada maklumat, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.
 - iii. **MAJMUK** – bagi meraikan kepelbagaian yang menjadi ciri-ciri unik Keluarga Malaysia; dan
 - iv. **INKLUSIVITI** – bagi meningkatkan keterlibatan dan kebersamaan Keluarga Malaysia dalam program-program sosial yang dianjurkan.

6. Pada tahun 2022, Kementerian akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan **program-program yang telah disusun dalam KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia**.

7. Pelaksanaan program-program **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia disokong melalui (4) modul** seperti berikut:
 - i. Modul Pelaksanaan;
 - ii. Modul Penilaian;
 - iii. Modul Promosi dan Media; dan
 - iv. Modul Pemantauan

8. Di samping itu, bagi memperkukuhkan jentera perpaduan, Kementerian telah menghasilkan pelan-pelan tindakan berikut:
 - a) Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030;

- b) Pelan Pendidikan Awal Kanak-kanak Tabika Perpaduan 2021-2025;
- c) Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI);
- d) Modul Pengurusan dan Program Sekretariat Rukun Negara (SRN) dan Kelab Rukun Negara (KRN); dan
- e) Pelan Tindakan NGO Rakan Perpaduan (*Friends of Unity*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
(KAPAR)**

TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN : 10

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan komitmen Kerajaan dalam menjamin perpaduan rakyat di antara kaum di sebalik serangan perkauman yang bersifat politik dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai komitmen kerajaan dalam mengekalkan keharmonian dan perpaduan antara kaum, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan pelan induk (*master plan*) yang menggariskan program-program di bawah agenda perpaduan melibatkan pelbagai agensi sama ada yang berperanan sebagai peneraju atau pelaksana kepada program-program tersebut.

2. Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 mempunyai tiga (3) matlamat iaitu:

- (i) menyediakan kerangka rujukan bagi melaksanakan program dan aktiviti berteraskan usaha ke arah memperkukuh perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang etnik;
- (ii) menjadikan pelan tindakan sebagai ukuran kejayaan Dasar Perpaduan Negara yang mahu penghayatan perpaduan suatu kebiasaan digerakkan secara konsisten; dan
- (iii) memperkasa cita-cita Rukun Negara sebagai pasak kepada Pelan Tindakan Perpaduan Negara sesuai dengan usaha mencipta sebuah masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

3. Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 dibangunkan dengan lima (5) teras seperti berikut:

(i) Teras 1: Membentuk masyarakat yang menghargai dan mengamalkan perpaduan

(ii) Teras 2: Memelihara sistem demokrasi Raja Berperlembagaan

(iii) Teras 3: Memperkasa sosio-ekonomi yang adil dan saksama

(iv) Teras 4: Menjamin keterbukaan dan toleransi terhadap perbezaan agama dan tradisi kebudayaan

(v) Teras 5: Membina masyarakat progresif melalui sains, teknologi dan inovasi

4. Program-program yang disusun di bawah pelan induk ini melibatkan kerjasama daripada 19 buah Kementerian dan 34 buah agensi Kerajaan sama ada sebagai agensi peneraju atau agensi pelaksana.

5. Selain itu, Kementerian Perpaduan Negara turut membangunkan pelan-pelan pelaksanaan khusus bagi memantapkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti perpaduan dari peringkat kanak-kanak sehingga ke dewasa melalui permerkasaan jentera-jentera perpaduan. Pelan-pelan pelaksanaan tersebut adalah:

- (i) Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030;
- (ii) Pelan Pemerkasaan Pendidikan Awal Kanak-kanak Tabika Perpaduan 2021-2025;
- (iii) Modul Pengurusan dan Program Sekretariat Rukun Negara (SRN) dan Kelab Rukun Negara (KRN); dan
- (iv) Pelan Pemerkasaan NGO Perpaduan.

6. Sebagai menyokong Aspirasi Keluarga Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia yang merupakan inisiatif berfokus dalam meraikan kepelbagaian di negara ini.

KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia

7. KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia dirangka selari dengan teras Dasar Perpaduan Negara yang menetapkan matlamat ke arah mencapai kesepaduan sosial dan perpaduan mampan.
8. KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia merupakan modul program dan aktiviti yang signifikan sebagai usaha mengukuhkan agenda perpaduan negara berpusatkan kepada rakyat. Prinsip dan pendekatan “Merakyatkan Perpaduan” wajar menjadi kebiasaan dan tapak kepada pembinaan negara ini yang keterangkumannya memberi cerminan ke atas keanekaragaman dan kemajmukan Keluarga Malaysia merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.
9. Agenda ini lebih memfokuskan kepada penglibatan rakyat secara menyeluruh untuk bersama-sama berganding bahu dengan pihak Kerajaan khususnya Kementerian Perpaduan Negara dalam usaha memperkukuhkan perpaduan.
10. Input dari pelbagai kategori responden meliputi pemimpin negara, ahli politik, ahli akademik, pengamal media, penjawat awam, kakitangan swasta, aktivis sosial, badan bukan kerajaan serta pemimpin komuniti dianalisis dan diinterpretasikan dalam membangunkan pelan ini.
11. Sesi Maklumbalas Rakyat juga telah diadakan di seluruh negara bagi mendapatkan input dan maklumbalas daripada rakyat bagi tujuan memantapkan lagi pelaksanaan program di bawah pelan ini.

12. KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia menekankan kepada isu dan permasalahan yang dirungkai berdasarkan hasil kajian dan dibahagikan kepada empat (4) Teras iaitu Karib; Aksesibiliti; Majmuk; dan Inklusiviti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN
(IPOH BARAT)**

SOALAN : 202

YB TUAN M. KULASEGARAN minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan:

- a. sebab-sebab kadar kaum India memiliki rumah sendiri amatlah rendah di mana Laporan “Malaysia Indian Blueprint” menunjukkan bahawa hanya 3% daripada 227,000 isi rumah B40 masyarakat India memiliki rumah sendiri; dan
- b. nyatakan langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

1. MITRA di bawah seliaan Kementerian Perpaduan Negara adalah berfokuskan kepada peningkatan sosioekonomi masyarakat India golongan B40. Bagi memastikan MITRA dapat melaksanakan peranan bagi mencapai matlamat *Malaysia Indian Blueprint (MIB)*, Kementerian

Perpaduan Negara sedang membangunkan **Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI) MITRA.**

2. Pelan ini bertujuan untuk **menyediakan panduan pelaksanaan bagi program pembangunan sosioekonomi masyarakat India di bawah tanggungjawab MITRA.**

3. **Lima (5) Tunjang** dibangunkan secara menyeluruh untuk melaksanakan program tindakan dan aktiviti mengikut jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang menjelaskan indikator dan sasaran yang ingin dicapai.

4. **Lima (5) Tunjang** tersebut adalah:

- a. **Memperkasakan Keperluan Asas;**
- b. **Meningkatkan Kemenjadian Setiap Kanak-Kanak ;**
- c. **Menaiktaraf Ekonomi & Keusahawanan;**
- d. **Memperkasakan Keterangkuman Sosial; dan**
- e. **Memperkasakan Wanita Ke Arah Kesaksamaan Gender.**

5. Melalui tunjang satu (Memperkasakan Keperluan Asas), beberapa strategi Jangka Pendek, Jangka Sederhana dan Jangka Panjang telah digariskan dalam Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI) untuk mengalakkan dan seterusnya meningkatkan kadar pemilikan rumah kaum India. Antara strategi-strategi tersebut adalah seperti dibawah:

- a. Melaksanakan kembali pembinaan perumahan mampu milik yang dilaksanakan oleh kerajaan terdahulu;
- b. Mewujudkan satu unit khas yang berkaitan dengan permohonan pemilikan rumah bagi masyarakat India B40;
- c. Memperkasakan promosi program pemilikan rumah melalui Skim Khas Rumah Estet (SKRE); dan
- d. Meningkatkan kerjasama dengan syarikat peladangan bagi membina rumah di kawasan ladang melalui skim sewa beli bagi pekerja ladang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

SOALAN : 263

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan

- a) sejauh manakah Kementerian melihat tahap penghayatan rakyat terhadap prinsip Rukun Negara bagi menyemarakkan lagi hubungan di antara kaum di Malaysia; dan
- b) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah berkenaan stereotaip di antara kaum.

JAWAPAN:

1. Usaha untuk mengatasi masalah stereotaip antara kaum memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak. Kerencaman pelbagai budaya dan adat resam yang dimiliki oleh negara Malaysia perlu diraikan dan bukannya menjadi penghalang untuk melahirkan rasa kebersamaan dan mempereratkan hubungan antara etnik sekaligus dapat menghapuskan stereotaip antara kaum.

2. Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah stereotaip antara kaum dan mengeratkan perpaduan kaum di Malaysia antaranya membangunkan **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** dan **Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030** yang memayungi semua inisiatif dan perancangan strategik Kementerian.

3. Dalam dokumen DPN telah menggariskan **tiga (3) strategi** yang terletak dibawah **Teras Perpaduan Dua (2) : Identiti Nasional** yang menyokong usaha KPN untuk mengatasi masalah stereotaip antara kaum di Malaysia. Antara tiga (3) strategi yang disenaraikan adalah:
 - i. **Mengukuhkan peranan bahasa sebagai medium integrasi perpaduan**
 - Penguasaan bahasa Melayu perlu ditekankan sejak di peringkat pendidikan awal kanak-kanak lagi bagi mengukuhkan integrasi dan mengalakkan golongan muda mempelajari bahasa etnik tempatan dan meningkatkan interaksi antara pelbagai etnik.

 - ii. **Mengukuhkan kefahaman agama, budaya dan adat resam pelbagai etnik.**
 - Pemahaman dan penghayatan budaya dan adat resam pelbagai etnik wajar didedahkan dan dibentuk di peringkat awal kanak-kanak terutama diperingkat institusi pendidikan.

iii. Membentuk masyarakat berkeperibadian tinggi, berintegriti dan berakhlak.

- Pembentukan masyarakat yang berkeperibadian tinggi, berintegriti dan berakhlak mulia dapat mendidik rakyat agar saling menghormati perbezaan budaya, agama, dan bangsa di Malaysia.

4. Seterusnya, di bawah Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 yang merangkumi **empat (4) anjakan strategik aspirasi tiga (3), strategi sepuluh (10); Pemantapan Peranan Institusi Keluarga Dan Komuniti** berperanan menyokong penuh teras dan strategi yang dibangunkan dalam DPN.

Anjakan Strategik 1: Mengukuhkan institusi kekeluargaan sebagai unit asas masyarakat.

- Sistem sokongan keluarga perlu dimantapkan melalui pelbagai inisiatif yang turut melibatkan sokongan komuniti seperti masyarakat sivil, pertubuhan keagamaan dan persatuan penduduk bagi membentuk masyarakat yang prihatin dan harmoni.

Anjakan Strategik 2: Meningkatkan peranan institusi keluarga dalam membudayakan perpaduan.

- Ibu bapa perlu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan ahli keluarganya sebagai satu perkara yang paling asas. Maka adalah penting diterapkan nilai murni seperti sikap

menghormati, kasih sayang serta menggalakkan anak-anak bergaul dengan rakan daripada pelbagai kaum.

Anjakan Strategik 3: Meningkatkan interaksi antara generasi.

- Merapatkan jurang persefahaman antara generasi muda dan generasi terdahulu supaya dapat bekerjasama untuk membentuk masyarakat yang harmoni.
 - Komunikasi yang sejajar dan mesra terutamanya secara bersemuka perlu digalakkan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu perpaduan antara generasi melalui seminar, konferens, penulisan dan filem.
5. Kedua-dua dokumen ini menjadi asas dan garis panduan kepada masyarakat tanpa mengira kaum dan agama dalam mengukuhkan nilai perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia dan seterusnya mampu menghapuskan sterotaip antara kaum yang wujud dalam masyarakat negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI

TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN : 33

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan dalam menaik taraf atau menyediakan program intervensi awal kepada kanak-kanak OKU di sekurang-kurangnya satu tadika perpaduan di setiap daerah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, terdapat sebanyak **1,781 buah Tabika Perpaduan** diseluruh negara yang memberikan didikan awal kepada lebih kurang **38,000 kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun** pada setiap tahun.
2. Bagi memantapkan Tabika Perpaduan, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** pada 24 Julai 2021 yang lalu.

3. **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 ini merangkumi pemantapan dan pengukuhan yang menyeluruh meliputi aspek kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta kemahiran guru Tabika Perpaduan.**

4. Antara pembaharuan yang diperkenalkan melalui Pelan ini adalah **pengajaran komunikasi asas bahasa ketiga** di Tabika Perpaduan melibatkan:
 - a. **Bahasa Mandarin;**
 - b. **Bahasa Tamil;**
 - c. **Bahasa Kadazan di Negeri Sabah; dan**
 - d. **Bahasa Iban di Negeri Sarawak.**

5. Dalam usaha mengukuhkan lagi interaksi sosial, **Pengajaran Bahasa Isyarat akan mula diperkenalkan pada tahun hadapan dalam program pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Tabika Perpaduan.**

6. Inisiatif ini untuk membolehkan murid Tabika berkomunikasi dan mengukuhkan hubungan kepekaan sosialisasi dengan rakan OKU dalam komuniti.

7. Bagi melaksanakan inisiatif ini, guru-guru Tabika Perpaduan akan diberi latihan dan kemahiran asas berkaitan Bahasa Isyarat untuk memastikan mereka memiliki pengetahuan, kompetensi dan kemahiran yang diperlukan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK

TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN : 38

Tuan Aknan Ehtook minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai cadangan supaya diwujudkan satu jawatan Timbalan Menteri (Hal Ehwal Agama Selain Islam) untuk bertanggungjawab mengenai agama-agama lain seperti yang dibangkitkan dalam perbahasan di sesi yang lepas.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perpaduan Negara berpandangan tiada keperluan untuk mewujudkan jawatan Timbalan Menteri (Hal Ehwal Agama Selain Islam). Kementerian Perpaduan telah mewujudkan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) Selain Islam pada 14 Ogos 2020.

2. Jawatankuasa HARMONI selain Islam dipengerusiakan oleh **YB Menteri Perpaduan Negara dan dianggotai oleh 14 orang pemimpin badan-badan agama** atau wakil pertubuhan yang dikenalpasti dan dilantik oleh Kementerian Perpaduan Negara.
3. Komposisi Ahli Jawatankuasa HARMONI selain Islam adalah seperti berikut:

BIL.	AGAMA	BILANGAN
1	KRISTIAN	4
2	BUDDHA	4
3	HINDU	2
4	SIKH	1
5	TAO	2
6	BAHA'I	1
JUMLAH		14

JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI) BERSAMA JAKIM

4. Jawatankuasa ini merupakan satu-satunya **platform yang diwujudkan untuk merapatkan jurang antara badan-badan agama Islam dan bukan Islam** serta berkongsi pandangan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.
5. Jawatankuasa **HARMONI bersama JAKIM** terdiri daripada:
 - a. Pengerusi bersama:

YB Menteri Perpaduan Negara dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama); dan

b. 24 orang pemimpin badan-badan agama atau wakil pertubuhan yang dikenalpasti dan disenarai pendek oleh Kementerian Perpaduan Negara dan JAKIM.

6. Komposisi **Ahli Jawatankuasa HARMONI bersama JAKIM** adalah seperti berikut:

BIL.	AGAMA	BILANGAN
1	ISLAM	10
2	KRISTIAN	4
3	BUDDHA	4
4	HINDU	2
5	SIKH	1
6	TAO	2
7	BAHA'I	1
JUMLAH		24

7. **Fungsi** Jawatankuasa HARMONI adalah seperti berikut:

- vi. Membentuk platform pemimpin badan agama, atau persatuan agama serta lain-lain pihak berkaitan;
- vii. memantapkan iklim perhubungan yang baik dalam kalangan pemimpin serta penganut pelbagai agama berteraskan semangat saling hormat menghormati dan bekerjasama di

semua peringkat;

- viii. menggalakkan semua penganut agama memahami dan menghormati Perlembagaan Persekutuan;
 - ix. meningkatkan penghayatan rakyat kepada nilai-nilai agama selaras dengan Prinsip Rukun Negara; dan
 - x. meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam agar menjadi sumber kekuatan negara dan masyarakat.
 - xi. Membantu menyelesaikan konflik atau salah faham berkaitan isu agama melalui kaedah intervensi dan mediasi.
8. Di peringkat negeri pula, terdapat **14 negeri yang mempunyai jawatankuasa bagi menguruskan hal ehwal agama selain Islam**. Jawatankuasa peringkat negeri ini dipengerusikan oleh EXCO yang memegang portfolio perpaduan kaum di negeri masing-masing. Senarai jawatankuasa tersebut adalah seperti di lampiran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU

TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN : 41

YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan komponen-komponen pembangunan Masyarakat India dalam Rancangan Malaysia Ke 12 dan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan sebarang badan atau organisasi pemantauan khas untuk memantau proses pelaksanaan komponen-komponen tersebut.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua

1. Bermula tahun 2020, **Pelan Pembangunan Masyarakat India (PTMI)** mula dibangunkan.
2. Pembangunan PTMI bertujuan untuk **menyediakan panduan pelaksanaan bagi program pembangunan sosioekonomi masyarakat India di bawah tanggungjawab MITRA.**

3. Melalui pelan ini, **lima (5) Tunjang** dibangunkan secara menyeluruh bagi melaksanakan program dan tindakan mengikut jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang menjelaskan indikator dan sasaran yang perlu dicapai.

4. **Lima (5) Tunjang** tersebut adalah:
 - a) **Memperkasakan Keperluan Asas** yang merangkumi membasmi kemiskinan, perumahan, kestabilan keluarga.

 - b) **Meningkatkan Kemenjadian Setiap Kanak-Kanak** merangkumi pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan rendah SJKT, Sekolah Kebangsaan, pendidikan menengah, pendidikan tinggi dan golongan belia.

 - c) **Menaiktaraf Ekonomi & Keusahawanan** merangkumi kemahiran professional, keusahawan, peningkatan kekayaan.

 - d) **Memperkasakan Keterangkuman Sosial** merangkumi dokumentasi & kewarganegaraan, isu keagamaan & kuil, sumbangan social kuil, dewan orang ramai, kakitangan awam, bebas jenayah dan memperbaiki persepsi; dan

 - e) **Memperkasakan Wanita Ke Arah Kesaksamaan Gender** dengan meningkatkan akses, penyaluran maklumat, kesejahteraan wanita dan wanita terpinggir.

5. **Bagi memastikan Pelan Tindakan Masyarakat India dapat dilaksanakan dengan tersusun dan mencapai objektifnya, dua (2) buah jawatankuasa akan ditubuhkan iaitu:**
 - a) **Jawatankuasa Pemandu PTMI yang dipengerusikan oleh KSU Kementerian Perpaduan Negara; dan**
 - b) **Jawatankuasa Kerja PTMI dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MITRA.**

6. Di samping itu, Pelan Tindakan Masyarakat India ini juga dibangunkan bersama **empat (4) modul utama** iaitu:
 - a) Modul Pelaksanaan;
 - b) Modul Pemantauan;
 - c) Modul Penilaian; dan
 - d) Modul Promosi.

7. Dalam usaha pembangunan sosioekonomi masyarakat India B40, pelbagai mekanisma dan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang telah dan akan dilaksanakan untuk memastikan tahap kemampunan dan daya saing masyarakat India berada pada tahap kompetitif bersama masyarakat lain di bawah payung Keluarga Malaysia.

8. Dalam hal ini, MITRA sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan ke atas pembangunan sosioekonomi masyarakat India B40, akan sentiasa memastikan program-program yang digariskan melalui Pelan

Tindakan Masyarakat India ini dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai objektif pembangunannya.

9. Kelima-lima tunjang ini merupakan fokus utama dalam usaha meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat India khususnya B40 melaksanakan program-program yang lebih baik dan akan meningkatkan sosioekonomi masyarakat India B40 pada tahun 2022 untuk jangka masa panjang tanpa mengira lokasi dan kawasan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JOHN AMBROSE

TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN : 52

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan bagaimanakah Kementerian dalam memperkasakan perpaduan dan integrasi nasional demi menjayakan Rancangan Malaysia yang direncanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai langkah strategik dalam mengekalkan keharmonian dan perpaduan antara kaum, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan **Dasar Perpaduan Negara** berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
2. Bagi menterjemahkan dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan program, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030** dan **KAMI**

@Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia yang telah dilancarkan pada 28 November 2021.

3. **Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030** merupakan pelan induk yang **menggariskan inisiatif dan program** melibatkan pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan, badan bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta, sama ada sebagai agensi peneraju mahupun agensi pelaksana.
4. **PTPN 2021-2030** dibangunkan berdasarkan lima (5) Teras strategik iaitu:
 - i. **Teras 1: Memelihara Sistem Demokrasi dan Raja Berpelembagaan.**
 - i. **Teras 2: Membentuk Masyarakat yang Menghargai dan Mengamalkan Perpaduan.**
 - ii. **Teras 3: Memperkasakan Sosio-Ekonomi yang Adil dan Saksama.**
 - iii. **Teras 4: menjamin Keterbukaan dan Toleransi Terhadap Perbezaan Agama dan Tradisi Kebudayaan.**
 - iv. **Teras 5: Membina Masyarakat Progresif Melalui Sains, Teknologi dan Inovasi.**
5. Berdasarkan pelan induk tersebut, Kementerian Perpaduan Negara juga menghasilkan **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia**

yang memfokuskan kepada inisiatif dan program perpaduan di bawah Kementerian Perpaduan Negara.

6. Pelan ini menekankan kepada **empat (4) dimensi** seperti berikut:
 - i. **KARIB** - bagi meningkatkan keakraban dan perpaduan di kalangan Keluarga Malaysia.
 - ii. **AKSESIBILITI** – bagi meningkatkan kebolehcapaian kepada maklumat, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.
 - iii. **MAJMUK** – bagi meraikan kepelbagaian yang menjadi ciri-ciri unik Keluarga Malaysia; dan
 - iv. **INKLUSIVITI** – bagi meningkatkan keterlibatan dan kebersamaan Keluarga Malaysia dalam program-program sosial yang dianjurkan.
7. Bagi mengukur tahap perpaduan dan keharmonian negara yang menggambarkan keadaan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara akan menghasilkan Laporan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) yang boleh diguna pakai sebagai ukuran tahap peraduan.
8. Selain daripada itu, pewujudan IPNas 2021 juga akan menjadi kayu pengukur terhadap keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN FADHLINA BINTI DATO' SIDEK

TARIKH : 21 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN : 4

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan usaha-usaha Kerajaan bagi memastikan masyarakat menghayati prinsip Rukun Negara sebagai kaedah praktikal dalam memupuk perpaduan dan mengekalkan keharmonian hidup damai bersama dalam komuniti yang pelbagai.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) komited untuk memastikan perpaduan dan keharmonian negara sentiasa berada di tahap yang terbaik. Dalam apa jua strategi dan program yang dilaksanakan, penghayatan kepada Rukun Negara sentiasa diberi keutamaan.

2. Rukun Negara dijadikan asas dalam pembangunan **Dasar Perpaduan Negara** dan **Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara**. Melalui Teras Pertama Dasar Perpaduan Negara, iaitu Patriotisme dan Demokrasi, salah satu strategi yang digariskan adalah **Meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas amalan hidup**.
3. Begitu juga dengan penghasilan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 dan KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia** yang dilancarkan pada 28 November 2021 yang lalu. Penghayatan kepada Rukun Negara dijadikan sebagai asas kepada penyatuan dan perpaduan sebuah Keluarga Malaysia.
4. Pembangunan pelan ini juga melibatkan penyertaan masyarakat di seluruh negara melalui sesi libat urus rakyat. Melalui sesi ini, masyarakat diminta untuk memberikan maklumbalas tentang pemahaman dan kesedaran mereka terhadap Rukun Negara.
5. Penghayatan kepada Rukun Negara sememangnya ditekankan sejak dari awala usia kanak-kanak. Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif membangunkan **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** yang memfokuskan kepada penghayatan pendidikan Rukun Negara dan penerapan nilai-nilai murni dalam diri murid seawal usia 4 hingga 6 tahun di Tabika Perpaduan.

6. Manakala di peringkat sekolah, **Kelab Rukun Negara (KRN)** dan di peringkat Instituti Pengajian Tinggi, **Sekretariat Rukun Negara (SRN)** telah ditubuhkan dan diperluaskan yang mana sehingga kini terdapat **6,843 KRN dan 187 SRN** di seluruh negara.
7. Modul Program Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara yang dibangunkan adalah berpandukan kepada aspirasi Rukun Negara untuk membina semangat cintakan negara dalam kalangan pelajar.
8. Objektif penyediaan modul ini adalah:
 - i. Memperkukuhkan pemahaman dan penghayatan pendidikan Rukun Negara dalam kalangan pelajar;
 - ii. Meningkatkan penglibatan aktif pelajar dalam program kenegaraan dan perpaduan; dan
 - iii. Memantapkan jaringan kerjasama strategik masyarakat dan rakan perpaduan bersama pelajar.
9. Kementerian Perpaduan Negara juga sedang meneliti modul KRN dan SRN ini bagi tujuan penambahbaikan dengan pengenalan program-program yang lebih interaktif untuk lebih menarik minat pelajar.
10. Saya juga mengambil peluang untuk memberi saranan supaya majlis-majlis rasmi di peringkat kementerian diselitkan dengan ikrar Rukun Negara bagi menyemarakkan lagi semangat cintakan

negara dalam usaha memperkukuhkan perpaduan Keluarga Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN

TARIKH : 21 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN : 14

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapakah pertambahan Tabika Perpaduan sepanjang tahun 2021 dan apakah usaha Kementerian dalam menggalakkan pendaftaran murid daripada pelbagai kaum dan tidak mengkhusus kepada satu kaum sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, terdapat sejumlah **1,781 buah Tabika Perpaduan** di seluruh negara yang menampung seramai **37,319 orang kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun**.
2. Pada tahun 2021, tiada pertambahan jumlah Tabika Perpaduan.

3. Kementerian Perpaduan Negara mengambil inisiatif memantapkan Tabika Perpaduan dengan membangunkan **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** yang dilancarkan pada 24 Julai 2021.

4. Pelan ini menggariskan **enam (6) teras utama** iaitu:

- i. Memantapkan elemen kenegaraan, perpaduan dan nilai murni dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran Tabika Perpaduan;
- ii. Memantapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP);
- iii. Memantapkan profesionalisme dan kepakaran Guru;
- iv. Memantapkan tadbir urus pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan;
- v. Mengukuhkan jalinan kerjasama Tabika Perpaduan bersama komuniti; dan
- vi. Memperkasakan mekanisme pemantauan dan penilaian pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan melalui penubuhan **Unit Naziran**.

5. Antara **inisiatif baharu** yang diperkenalkan bagi menarik penyertaan murid pelbagai kaum adalah:

i. **Pengenalan Modul Pendidikan Penghayatan Rukun Negara.**

- Untuk memupuk semangat cintakan negara di peringkat awal usia kanak-kanak.
- Penghasilan **buku khusus Pendidikan Rukun Negara**

ii. **Pengenalan Modul Asas Komunikasi Pelbagai Bahasa**

- **Bahasa Mandarin;**
- **Bahasa Tamil;**
- **Bahasa Kadazan di Negeri Sabah;**
- **Bahasa Iban di Negeri Sarawak; dan**
- **Bahasa Isyarat.**

iii. **Penerapan kemahiran asas Jom Urus Diri.**

Ini bagi memberi **pendedahan kepada murid tentang kemahiran asas pengurusan diri di rumah seperti pengurusan tempat tidur dan kemahiran berpakaian.** Pengajaran program Jom Urus Diri akan membolehkan murid meningkatkan kemahiran, kekemasan dan disiplin dalam pengurusan diri.

6. Manakala, bagi pembukaan sesebuah Tabika Perpaduan yang baru, Kementerian Perpaduan Negara telah **menambahbaik kriteria dan syarat penubuhan dengan menetapkan komposisi kaum sebagai kriteria utama.**
7. **Untuk itu, kaji selidik ke atas kecenderungan** ibu bapa berbilang kaum dalam komuniti turut dilaksanakan sebelum memutuskan penubuhan sesebuah Tabika Perpaduan **demi mengukur keperluan sebenar komuniti setempat.**
8. Langkah-langkah ini akan lebih menepati hasrat dan objektif penubuhan Tabika Perpaduan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK

TARIKH : 21 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN : 29

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan bilangan rumah ibadat selain Islam mengikut agama yang direkodkan oleh Kementerian dan adakah ketua di setiap rumah ibadat ini diiktiraf oleh Kementerian melalui sijil pelantikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, bilangan **Rumah Ibadat Selain Islam yang telah direkodkan adalah sebanyak 10,406** dengan pecahan agama seperti berikut:

Bil	Jenis Rumah Ibadat	Bilangan
1	Buddha	2,457
2	Kristian	3,400

Bil	Jenis Rumah Ibadat	Bilangan
3	Hindu	2,285
4	Sikh	81
5	Tao	1,992
6	Bahai	36
7	Lain-lain (Confucianism / Pagan)	57
Jumlah		10,406

2. Kementerian Perpaduan Negara sedang **membangunkan Sistem Pangkalan Data Rumah Ibadat Selain Islam** daripada penyaluran maklumat daripada badan-badan agama atau pertubuhan selain Islam yang ada di Malaysia.
3. Sistem Pangkalan Data Rumah Ibadat Selain Islam ini akan mempunyai maklumat-maklumat asas seperti berikut:
 - i. Nama Rumah Ibadat;
 - ii. Alamat Rumah Ibadat;
 - iii. Nombor Telefon dan emel Rumah Ibadat; dan
 - iv. Agama dan denominasi.
4. Sistem Pangkalan Data Rumah Ibadat Selain Islam ini adalah untuk kegunaan Kementerian bagi penyelarasan bantuan kewangan rumah ibadat selain Islam di negara ini.
5. Pelantikan ketua-ketua agama di Rumah Ibadat Selain Islam adalah melalui pemilihan dan di bawah penyelarasan rumah ibadat masing-masing.

**MAKLUMAT TAMBAHAN BILANGAN RUMAH IBADAT SELAIN
ISLAM MENGIKUT AGAMA DI MALAYSIA**

BIL	NEGERI	BUDDHA	KRISTIAN	HINDU	SIKH	TAO	BAHAI	LAIN-LAIN	JUMLAH
1	Johor	529	215	184	6	-	-	-	934
2	Kedah	200	15	148	2	3	-	-	368
3	Kelantan	67	22	17	3	17	-	-	126
4	Melaka	314	15	83	3	-	-	-	415
5	Negeri Sembilan	325	132	484	6	10	-	32	989
6	Pahang	87	21	77	6	63	-	-	254
7	Perak	220	81	513	27	542	-	-	1,383
8	Perlis	48	7	11	1	-	-	-	67
9	Pulau Pinang	224	22	161	1	665	-	3	1,076
10	Sabah	10	383	5	4	6	-	-	408
11	Sarawak	153	2,289	7	3	145	36	10	2,643
12	Selangor	87	89	485	12	541	-	-	1,214
13	Terengganu	11	13	4	-	-	-	-	28
14	W.P Kuala Lumpur	266	80	104	6	-	-	12	468
15	W.P Labuan	13	16	1	1	-	-	-	31
16	W.P Putrajaya	1	-	1	-	-	-	-	2
JUMLAH		2,555	3,400	2,285	81	1,992	36	57	10,406
Nota: Lain-lain (Confucianism / Pagan)									

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN (PAS)**

TARIKH : 23 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN : 48

YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapa ramaikah penerima manfaat geran MITRA terutama dalam bidang keusahawanan dan permulaan memulakan perniagaan.

JAWAPAN:

1. Bagi tahun 2020, **MITRA** telah melaksanakan **119** program di bawah **3 Teras Utama** yang telah memberi **manfaat kepada 896,625** individu daripada Masyarakat India Kategori B40.

JUMLAH PENERIMA MANFAAT TAHUN 2020

Bil.	Teras	Bil. Program	Penerima Manfaat (individu)
1	Modal Insan	32	131,392
2	Keusahawanan	33	31,245
3	Kesejahteraan Sosial	54	733,988
JUMLAH		119	896,625

2. Bagi tahun 2021, sebanyak **20 program** telah dilaksanakan di bawah **3 Teras Utama** yang memberi manfaat kepada **95,781 individu** Masyarakat India Kategori B40.

JUMLAH PENERIMA MANFAAT TAHUN 2021

Bil.	Teras	Bil. Program	Penerima Manfaat (individu)
1	Modal Insan	11	10,244
2	Keusahawanan	4	380
3	Kesejahteraan Sosial	5	85,157
JUMLAH		20	95,781

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK

SOALAN : 28

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan senarai tempat ibadat masyarakat Siam (Wat) di seluruh negara dan apakah syarat untuk wat-wat ini berdaftar dengan Kementerian sebagaimana yang ditetapkan dalam borang permohonan bantuan penyelenggaraan yang disediakan oleh Kementerian.

JAWAPAN:

1. Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan Sistem Pangkalan Data Rumah Ibadat Selain Islam dengan kerjasama penyaluran maklumat daripada badan-badan agama atau pertubuhan selain Islam yang ada di Malaysia.
2. Inisiatif ini bertujuan untuk memudahkan pihak kerajaan menyalurkan maklumat berkaitan dasar-dasar kerajaan serta platform perhubungan secara komprehensif dengan rumah-rumah ibadat selain Islam

berkenaan. Sehingga kini, KPN telah merekodkan sebanyak **10,406** bilangan Rumah Ibadat Selain Islam mengikut agama seperti berikut:

Bil	Jenis Rumah Ibadat	Bilangan
1	Buddha	2,457
2	Kristian	3,400
3	Hindu	2,285
4	Sikh	81
5	Tao	1,992
6	Bahai	36
7	Lain-lain (Confucianism / Pagan)	57
Jumlah		10,406

(Senarai Rumah Ibadat Selain Islam Mengikut Negeri: **Lampiran 1**)

3. Sebanyak 31 rumah ibadat selain Islam dalam kategori Wat Siam telah direkodkan iaitu masing-masing dua (2) dari Negeri Kedah, 22 dari negeri Kelantan, enam (6) dari Negeri Perlis dan satu (1) dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. (Senarai Wat Siam Mengikut Negeri: **Lampiran 2**)
4. Kementerian Perpaduan Negara tidak mensyaratkan untuk rumah ibadat berdaftar di bawah Kementerian. Namun bagi tujuan penyaluran bantuan kewangan di bawah Program Bantuan Kewangan Pembaikan, Penyelenggaraan dan Kerja-kerja Kecemasan di Rumah Ibadat Selain Islam, setiap rumah ibadat yang memohon hendaklah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) atau lain-lain pendaftaran seperti Akta 457 (Akta Gereja Methodis Malaysia 1955), Pemegang Amanah atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ini bagi memastikan

penyelarasan agihan bantuan kewangan dapat dilaksanakan secara sistematis.

Lampiran 1

RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM DI MALAYSIA

BIL	NEGERI	BUDDHA	KRISTIAN	HINDU	SIKH	TAO	BAHAI	LAIN-LAIN	JUMLAH
1	Johor	529	215	184	6	-	-	-	934
2	Kedah	200	15	148	2	3	-	-	368
3	Kelantan	67	22	17	3	17	-	-	126
4	Melaka	314	15	83	3	-	-	-	415
5	Negeri Sembilan	325	132	484	6	10	-	32	989
6	Pahang	87	21	77	6	63	-	-	254
7	Perak	220	81	513	27	542	-	-	1,383
8	Perlis	48	7	11	1	-	-	-	67
9	Pulau Pinang	224	22	161	1	665	-	3	1,076
10	Sabah	10	383	5	4	6	-	-	408
11	Sarawak	153	2,289	7	3	145	36	10	2,643
12	Selangor	87	89	485	12	541	-	-	1,214
13	Terengganu	11	13	4	-	-	-	-	28
14	W.P Kuala Lumpur	266	80	104	6	-	-	12	468
15	W.P Labuan	13	16	1	1	-	-	-	31
16	W.P Putrajaya	1	-	1	-	-	-	-	2
JUMLAH		2,555	3,400	2,285	81	1,992	36	57	10,406
Nota: Lain-lain (Confucianism / Pagan)									

BILANGAN WAT SIAM MENGIKUT NEGERI

BIL.	NEGERI	NAMA
1	Kedah	Persatuan Akhlak Wat Koh Wanararm
2	Kedah	Persatuan Pendidikan Akhlak Wat Tham Kisap
3	Kelantan	Wat Machimmaram
4	Kelantan	Wat Prachumthad Chanaram
5	Kelantan	Wat Phikulyai
6	Kelantan	Wat Bangtawa Silaloi
7	Kelantan	Wat Sukhontharam
8	Kelantan	Wat Kok Seraya Vanaram
9	Kelantan	Wat Phikulthong Vararam
10	Kelantan	Wat Cheng Buddhavas
11	Kelantan	Wat Chonprachumthad Hanaram
12	Kelantan	Wat Mai Suwankiri
13	Kelantan	Persatuan Buddhis Wakaf Bharu
14	Kelantan	Wat Phothiviharn
15	Kelantan	Wat Chinpradittharam
16	Kelantan	Wat Sukhontharam
17	Kelantan	Wat Uttamaram
18	Kelantan	Wat Khosakaram
19	Kelantan	Wat Withumvihan
20	Kelantan	Wat Samnak Song
21	Kelantan	Wat Phothikyan Phutthaktham
22	Kelantan	Wat Photiyarn Buddhatham
23	Kelantan	Wat Champakeow
24	Kelantan	Wat Buddhathaksin Phalukaram
25	Perlis	Wat Siam Kubang Tiga
26	Perlis	Wat Sammak Song Thungtong
27	Perlis	Wat Suwankhiri
28	Perlis	Wat Siam Promwicitr
29	Perlis	Wat Siam Samnak Song Kuan Kanun
30	Perlis	Wat Siam Macchimaprasit
31	WP Kuala Lumpur	Wat Meh Liew Buddhist Temple

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN
NAIR**

SOALAN : 40

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan aspek-aspek yang telah diberi nilai tambah dalam Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) terhadap pelaksanaan dos penggalak kepada golongan warga emas serta OKU di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman di seluruh negara khususnya Negeri Sembilan.

JAWAPAN :

1. Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) di bawah Kementerian Perpaduan Negara memberi tumpuan kepada kumpulan sasar khususnya rakyat yang berada jauh dari PPV Awam dan ukar mendapatkan akses suntikan vaksin seperti penduduk luar bandar, pinggir bandar, ladang/ estet dan masyarakat orang asli.
2. Sehingga kini, seramai 557,669 penerima vaksin telah memperoleh manfaat vaksinasi melalui program MOVAK di seluruh negara. Pelbagai aspek tambah nilai dari masa ke semasa diambil oleh KPN bagi

memastikan pelaksanaan program MOVAK dapat memberikan khidmat yang terbaik buat komuniti di peringkat akar umbi. Antara aspek yang telah diberi tambah baik dalam pelaksanaan MOVAK adalah seperti berikut:

a) Modifikasi Bas MOVAK

Program MOVAK digerakkan melalui Bas yang dijadikan sebagai stesen utama pusat suntikan vaksin. Bas ini telah diubahsuai bagi memudahkan petugas kesihatan serta penerima vaksin khususnya warga emas dan warga OKU untuk mendapatkan suntikan dengan mewujudkan laluan tramp kerusi roda.

b) Sukarelawan MOVAK

Program MOVAK turut digerakkan melalui barisan sukarelawan di kalangan Warga Rukun Tetangga yang bertugas di bawah tiga Unit Gerak Kerja iaitu Unit Tindakan Komuniti, Unit Panggilan dan Unit Mobilisasi. Bagi memastikan pelaksanaan MOVAK mesra rakyat, khidmat sukarelawan RT ini turut meliputi kempen kesedaran vaksin, bantuan pendaftaran vaksin serta menyediakan pengangkutan pergi dan pulang kepada penerima vaksin untuk ke lokasi MOVAK.

3. Diharap inisiatif MOVAK ini mampu membantu dan menyokong Program Imunisasi COVID19 Kebangsaan (PICK) bagi meningkatkan jumlah pendaftaran dan penerimaan vaksin di kalangan rakyat Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN**

SOALAN : 82

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- a) berapakah jumlah statistik permasalahan tentang perkauman dan adakah permasalahan ini dapat dicapai dengan pelan Keluarga Malaysia yang disebut oleh YAB Perdana Menteri; dan
- b) sejauh manakah aspirasi Kerajaan untuk mengharmonikan masalah tersebut.

JAWAPAN:

- a) Jumlah statistik permasalahan yang melibatkan perkauman yang dilaporkan melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah sebanyak **340 kes** bagi tahun **2020** dan **sehingga Ogos 2021** adalah sebanyak **204 kes**.

b) Bagi memupuk dan mengeratkan perpaduan kaum di Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengambil inisiatif menghasilkan beberapa dokumen dasar dan pelan tindakan perpaduan seperti berikut:

i. **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** yang dilancarkan pada **15 Februari 2021** merupakan dasar payung yang julung kali dihasilkan oleh Kerajaan secara khusus bagi memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep “Perpaduan Keluarga Malaysia”. Dasar ini menetapkan agenda dan halatuju perpaduan nasional berdasarkan **tiga (3) teras utama** iaitu:

- a. Patriotisme dan demokrasi;
- b. Identiti nasional; dan
- c. Ekosistem perpaduan.

ii. Selain daripada itu, Dasar Perpaduan Negara ini juga merupakan **dasar payung** kepada agenda perpaduan nasional melalui **Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Nasional** yang telah pun dibangunkan oleh kementerian bagi tahun 2021 hingga 2030. Ini juga perlu dilihat secara bersama bagi menjelaskan lagi langkah - langkah strategik yang perlu diambil agar ia dapat menghasilkan impak secara langsung kepada rakyat.

iii. Bagi menterjemahkan strategi yang digariskan melalui dokumen DPN dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 ke dalam bentuk pelaksanaan, **Pelan Tindakan Perpaduan Negara** juga telah dirangka dengan menyusun program dan inisiatif

secara khusus, inklusif dan holistik melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.

- iv. Bagi memastikan dasar dan pelan tindakan tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan, Kementerian Perpaduan Negara juga telah menghasilkan pelan-pelan pemantapan seperti berikut:
- a) **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030;**
 - b) **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021- 2030;**
 - c) **Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI); dan**
 - d) **Pemantapan Modul Kelab Rukun Negara (KRN) di peringkat sekolah dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat universiti.**
- v. Selari dengan Aspirasi Keluarga Malaysia, Kementerian juga sedang memuktamadkan KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia yang akan mengukuhkan lagi perpaduan Keluarga Malaysia dengan memberi penekanan kepada pelancaran program-program perpaduan hingga ke peringkat akar umbi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG

SOALAN : 97

YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan pelan-pelan tindakan yang diwartakan di bawah RMKe-12 serta langkah-langkah yang akan diambil serta jadual waktu perlaksanaan bagi mencapai pembangunan inklusif dan kesejahteraan kaum minoriti India di negara ini khususnya di kawasan Parlimen Alor Gajah agar akan terus diberi keutamaan selaras dengan Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia bagi menjamin Objektif "Keluarga Malaysia-Makmur, Inklusif, Mampan" dicapai.

JAWAPAN:

1. Bermula tahun 2020, **Pelan Pembangunan Masyarakat India (PTMI)** mula dibangunkan.
2. Pembangunan PTMI bertujuan untuk **menyediakan panduan pelaksanaan bagi program pembangunan sosioekonomi masyarakat India di bawah tanggungjawab MITRA.**

3. Melalui pelan ini, **lima (5) Tunjang** dibangunkan secara menyeluruh bagi melaksanakan program dan tindakan mengikut jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang menjelaskan indikator dan sasaran yang perlu dicapai.

4. **Lima (5) Tunjang** tersebut adalah:
 - a) **Memperkasakan Keperluan Asas** yang merangkumi membasmi kemiskinan, perumahan, kestabilan keluarga.

 - b) **Meningkatkan Kemenjadian Setiap Kanak-Kanak** merangkumi pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan rendah SJKT, Sekolah Kebangsaan, pendidikan menengah, pendidikan tinggi dan golongan belia.

 - c) **Menaiktaraf Ekonomi & Keusahawanan** merangkumi kemahiran professional, keusahawan, peningkatan kekayaan.

 - d) **Memperkasakan Keterangkuman Sosial** merangkumi dokumentasi & kewarganegaraan, isu keagamaan & kuil, sumbangan social kuil, dewan orang ramai, kakitangan awam, bebas jenayah dan memperbaiki persepsi; dan

 - e) **Memperkasakan Wanita Ke Arah Kesaksamaan Gender** dengan meningkatkan akses, penyaluran maklumat, kesejahteraan wanita dan wanita terpinggir.

5. **Bagi memastikan Pelan Tindakan Masyarakat India dapat dilaksanakan dengan tersusun dan mencapai objektifnya, dua (2) buah jawatankuasa akan ditubuhkan iaitu:**
 - a) **Jawatankuasa Pemandu PTMI yang dipengerusikan oleh KSU Kementerian Perpaduan Negara; dan**
 - b) **Jawatankuasa Kerja PTMI dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MITRA.**
6. Di samping itu, Pelan Tindakan Masyarakat India ini juga dibangunkan bersama **empat (4) modul utama** iaitu:
 - a) modul Pelaksanaan;
 - b) modul Pemantauan;
 - c) modul Penilaian; dan
 - d) modul Promosi.
7. Dalam usaha pembangunan sosioekonomi masyarakat India B40, pelbagai mekanisma dan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang telah dan akan dilaksanakan untuk memastikan tahap kemampunan dan daya saing masyarakat India berada pada tahap kompetitif bersama masyarakat lain di bawah payung Keluarga Malaysia.
8. Dalam hal ini, MITRA sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan ke atas pembangunan sosioekonomi masyarakat India B40, akan sentiasa memastikan program-program yang digariskan melalui

Pelan Tindakan Masyarakat India ini dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai objektif pembangunannya.

9. Kelima-lima tunjang ini merupakan fokus utama dalam usaha meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat India khususnya B40 melaksanakan program-program yang lebih baik dan akan meningkatkan sosioekonomi masyarakat India B40 pada tahun 2022 untuk jangka masa panjang tanpa mengira lokasi dan kawasan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK DONALD PETER MOJUNTIN

SOALAN : 104

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah rancangan Kerajaan untuk menggubal satu akta seperti Akta Perhubungan Kaum atau "Race Relations Act" memandangkan Kerajaan ini mempromosikan konsep "Keluarga Malaysia" yang mementingkan integrasi nasional, kesatuan, keharmonian, persefahaman dan kestabilan dalam usaha memerangi wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara.

JAWAPAN:

1. **Perlembagaan Persekutuan** memperuntukkan semua orang sama di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan sama rata dan adil. **Diskriminasi terhadap warganegara tidak boleh diamalkan** semata-mata atas alasan agama, ras, keturunan, warna kulit atau tempat lahir atau jantina.
2. Undang-undang sedia ada telah memadai dalam memastikan keharmonian Keluarga Malaysia. Sesiapa yang dengan sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang

menggugat perpaduan dan keharmonian rakyat boleh disiasat dan didakwa di bawah akta-akta berikut:

- i. seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian;
 - ii. seksyen 506 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah;
 - iii. seksyen 505 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;
 - iv. seksyen 504 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan; dan
 - v. subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;
3. Justeru, Kementerian ini berpendapat **tiada keperluan untuk menggubal satu akta seperti Akta Perhubungan Kaum** yang mana undang-undang sedia ada selari dengan konsep "Keluarga Malaysia" yang mementingkan integrasi nasional, kesatupaduan, keharmonian, persefahaman dan kestabilan.